

22

SATU KAJIAN KES MENGENAI PEKERJA WANITA
YANG SUDAH BERKAHWIN DI SEBUAH
LADANG TEH DI CAMERON HIGHLANDS

Oleh:

HENG LAI LENG

MATRIK NO. :

39692

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI & SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Sesi 1983/84

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang bagaimana wanita yang sudah berkahwin memainkan kedua peranan, sebagai seorang isteri/ibu yang penyayang dan sebagai seorang pekerja yang bertanggungjawab. Kajian luar latihan ilmiah ini telah dijalankan di sebuah ladang teh (Ladang Teh East) di Cameron Highlands. Ini adalah kerana tujuan lain latihan ilmiah ini ialah mengkaji mengapa sejak kebelakangan ini lebih ramai kaum wanita diambil untuk bekerja diladang teh. Kajian luar ini telah mengambil masa selama sebulan untuk disiapkan.

Di dalam Bab I latihan ilmiah ini pengkaji akan membincang tentang tujuan kajian ini. Tujuan-tujuan adalah seperti dinyatakan tadi: mengkaji peranan yang dimainkan oleh pekerja wanita yang sudah berkahwin, mengapa pekerja wanita ini terus bekerja selepas berkahwin dan mengapa bilangan mereka semakin bertambah diladang teh. Kaedah kajian yang digunakan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji juga dibincangkan dalam bab ini.

Ahli-ahli antropologi dan ahli-ahli sains sosial amat mementingkan unsur-unsur teori terutamanya dalam sebuah latihan ilmiah. Oleh itu Bab II adalah menyentuh tentang teori-teori mengenai wanita oleh beberapa ahli-ahli teori. Di antara mereka yang dirujuk adalah Sanday, Rosaldo, Iglehart dan lain lagi.

Pengkaji juga cuba memberi satu gambaran (description) jelas mengenai tempat kajian dijalankan dalam Bab III. Latar-belakang ladang teh East dan proses-proses yang terlibat dalam penghasilan teh juga diuraikan oleh pengkaji dalam bab ini.

Yang paling penting dalam sebuah latihan ilmiah ialah data-data mengenai kajian yang telah dijalankan. Oleh itu Bab IV adalah dikhaskan untuk penguraian data-data yang telah diperolehi oleh pengkaji.

Dalam Bab V pula pengkaji akan cuba menganalisa data-data yang diperolehi. Pengkaji juga cuba mengaitkan hasil yang diterima dengan apa yang dibentangkan oleh ahli-ahli teori.

Akhirnya dalam Bab VI ialah kesimpulan. Dalam bab ini pengkaji akan memberi satu ringkasan tentang latihan ilmiah ini. Selain dari itu pengkaji mengemukakan kesimpulan yang diterima daripada latihan ilmiah ini.

Adalah suatu hal yang tidak boleh dilupakan seorang penulis buku kesiswaan kerana ia bukan sahaja merupakan kerjaya seseorang penulis, ia juga merupakan kerjaya seseorang penulis.

Terima kasih,

Wong Kai Long,
1962.

PENGHARGAAN

Muka Surat

Dengan siapnya latihan ilmiah ini, disini saya ingin menyuarakan penghargaan saya kepada beberapa pihak. Pertama dan khas sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada penyelia saya, Puan Mazidah Zakaria. Beliau telah dengan penuh kesabaran membimbing saya dari mula hingga siapnya latihan ilmiah ini. Tunjuk ajar dan nasihat yang diberi sepanjang latihan ilmiah ini adalah banyak dan amat dihargai oleh saya.

Saya juga ingin mengucapkan penghargaan saya kepada pengurus ladang teh East. Beliau telah membenarkan saya menjalankan kajian luar dijalankan di ladang teh ini. Selain dari itu beliau telah banyak memberi pertolongan kepada saya terutamanya dalam perhubungan dengan responden.

Akhir sekali dan tidak ketinggalan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pekerja-pekerja ladang teh East yang sanggup ditemuduga dan banyak memberi kerjasama kepada saya.

3a Ladang Teh ... Terima kasih... 35

3b Penanaman dan Proses Penghasilan teh ... 37

Heng Lai Leng,
39692.

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
SINOPSIS	i
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
BAB I PENGENALAN	1
1a Tujuan Kajian	2
1b Bidang Kajian	4
1c Metode Yang Digunakan	6
1d Masalah Dalam Kajian	7
BAB II RANGKA TEORI MENGENAI PERANAN WANITA:	66
PEKERJA WANITA YANG SUDAH BERKAHWIN	12
2a Kedudukan Wanita - dari orientasi 'domestic' dan awam (public)	13
2b Wanita Yang Sudah Berkahwin - pekerjaan dan tempatnya	24
2c Kesimpulan dan kaitan teori-teori dengan kajian	32
BAB III LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN DAN PROSES MENGHASIL TEH	35
3a Ladang Teh East - Satu deskripsi fizikal	35
3b Penanaman dan Proses Menghasil teh	37

Muka Surat

DAFTAR BABAT DAN JABAL

		<u>Muka Surat</u>
BAB IV	HURAIAN DATA-DATA	40
4a	Asal-usul Responden	40
4b	Biodata Mengenai Responden	43
4c	Aspek Ekonomi	49
4d	Aspek Sosial dan Rancang Masa Depan ...	56
BAB V	PENGANALISAAN DATA-DATA	59
5a	Sebab Mengapa Wanita Diambil Bekerja Diladang Teh	59
5b	Faktor Pendorong dan Penarik Wanita Yang Sudah Berkahwin Keluar Bekerja	62
BAB VI	KESIMPULAN	66
BIBLIOGRAFI	73
LAMPIRAN	75
Jurnal 4.4	Sekitaran responden dalam kawasan pertambangan	48
Jurnal 4.5	Rangkaian usahawan responden	50
Jurnal 4.6	Pekerjaan responden-responde sebelum berkahwin	50
Jurnal 4.7.1	Pendapatan bulanan responden-responde	50
Jurnal 4.7.2	Pendapatan bulanan suami responden- responden	50
Jurnal 4.7.3	Perbelanjaan bulanan responden-responde	53

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

Muka Surat

Rajah 2.1	Pengaliran tenaga kaum wanita dan lelaki dalam tiga lingkungan - petik dari teori Sanday	21
Rajah 2.2	Teori status wanita dalam "domain" awam oleh Sanday	22
Jadual 2.1	Peratusan pendapat daripada kaum lelaki dan wanita di kawasan bandar dan luar bandar daerah Finland, tentang kaum lelaki patut menjalankan tugas dirumah.	27
Jadual 4.1	Lingkungan umur responden-responden	42
Jadual 4.2.1	Bilangan responden yang mempunyai suami sebagai rakan sekerja	44
Jadual 4.2.2	Jenis pekerjaan suami responden	45
Jadual 4.3.1	Bilangan pekerja yang mempunyai pendidikan	46
Jadual 4.3.2	Peringkat dan aliran pelajaran responden	47
Jadual 4.4	Sebab-sebab responden tidak belajar atau berhenti sekolah	48
Jadual 4.5	Lingkungan umur anak-anak responden	50
Jadual 4.6	Pekerjaan responden-responden sebelum berkahwin	50
Jadual 4.7.1	Pendapatan bulanan responden-responden	52
Jadual 4.7.2	Pendapatan bulanan suami responden- responden	53
Jadual 4.7.3	Perbelanjaan bulanan responden-responden	53

BAB I

PENGENALAN

Pada zaman sekarang wanita yang keluar bekerja tidak lagi menjadi satu perkara yang aneh. Walau bagaimanapun terdapat ramai anggota masyarakat yang bertentangan pendapat dengan keadaan begini. Bukan sahaja masyarakat Timur yang berpendapat bahawa wanita tidak patut keluar bekerja malah di kalangan masyarakat Barat juga masih ada yang berpendapat begini.

Wanita yang bekerja akan dianggap sebagai bertentangan dengan norma sosial. Konsep dan anggapan terhadap wanita ialah mereka adalah lebih lemah daripada kaum lelaki. Oleh itu perkara seperti menjaga tentang hal rumah tangga haruslah dilakukan oleh kaum wanita. Tempat seorang wanita mengikut anggapan biasa ialah di rumah. Semasa kecil lagi seorang gadis diajar mengurus hal rumah tangga. Seorang gadis yang tidak suka atau tahu mengurus hal rumah tangga adalah dianggap tidak bersopan atau lebih 'serious' dianggap sebagai 'deviant'. Wanita yang tidak ingin berumahtangga kerana kerjaya juga dipandang rendah oleh masyarakat dan mengikut masyarakat tindakan seperti ini mungkin adalah kerana sesuatu kecacatan fizikal pada wanita itu. Masyarakat tidak akan pandang ini sebagai satu perkembangan pada kaum wanita malah kaum wanita dicaci kerana ingin mengubah cara hidup yang lazim ini.

Keadaan yang sama juga berlaku jika seorang wanita itu berdikari, beliau juga dianggap melanggar norma sosial. Seorang wanita sepatutnya di bawah perlindungan seorang lelaki, bapa atau suaminya. Anggapan sosial ialah seorang gadis harus di bawah jagaan bapanya dan seorang isteri sepatutnya di dalam perlindungan suaminya. Seorang isteri yang bekerja dan boleh berdikari seolah-olah ingin merebut kedudukan ketua keluarga dari suaminya. Ini disebabkan mengikut tradisi, seorang suami sepatutnya keluar bekerja, mencari nafkah hidup dan menyara hidup keluarganya. Segala keputusan, baik mengenai ekonomi atau sosial dibuat olehnya. Tetapi kerana isterinya juga bekerja dan kedua-dua berkongsi dalam menyara hidup keluarga maka sisuami seolah-olah merasa tidak lagi boleh membuat keputusan.

Tujuan Kajian

Pada tahun-tahun kebelakangan ini pengambilan kaum wanita untuk bekerja boleh dikatakan adalah satu fenomena yang biasa. Kalau dibandingkan, dalam tahun-tahun lima puluhan, boleh dikatakan tidak ada permintaan langsung pekerja wanita. Bagaimanapun di sebuah ladang teh di Cameron Highlands pengambilan wanita untuk bekerja bukanlah satu perkara yang baru.

Mengapakah kaum wanita merupakan sebahagian besar pekerja di ladang teh? Untuk mencari perjawapan kepada perkara ini adalah salah satu daripada tujuan kajian ini. Oleh itu harus ditinjau faktor-faktor yang menyebabkan pihak majikan mengambil kaum wanita

untuk bekerja. Adakah kaum wanita diambil untuk bekerja kerana kaum wanita yang lebih lemah lembut adalah sesuai untuk pekerjaan seperti mengutip daun teh? Mungkinkah juga kaum wanita hanya merupakan pengganti kepada sumber tenaga lelaki dan merupakan pilihan yang terakhir.

Sejak dahulu hingga ke hari ini terdapat ramai wanita bekerja di ladang teh malah boleh dikatakan bilangan ini telah bertambah. Mengapakah kaum wanita ini hendak bekerja? Wanita zaman sekarang adalah amat mementingkan 'hak sama' dan selalu ingin berdikari. Adakah bekerja di ladang teh menunjukkan mereka telah berdikari? Jika tidak, mungkinkah mereka hanya melakukan apa yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi ataupun kerana masalah kewangan yang menyebabkan suri rumahtangga terpaksa keluar bekerja.

Pada hari ini, seperti yang dikatakan tadi wanita yang keluar bekerja tidak lagi merupakan satu perkara yang baru, malah sekarang terdapat ramai suri rumahtangga yang bekerja juga. Bagaimanakah seorang suri rumahtangga boleh menanggung dua peranan sebagai seorang pekerja yang bertanggungjawab dan seorang isteri yang baik? Jadi kajian ini akan cuba menyelidik persoalan-persoalan ini. Dengan itu diharap satu gambaran yang lebih terang akan diperolehi mengenai pekerja-pekerja wanita ladang teh.

lb. Bidang Kajian

Terdapat beberapa sebab mengapa kajian ini dijalankan di sebuah ladang teh. Malaysia boleh dikatakan menghasilkan jenis teh yang baik juga terutama yang berasal dari Cameron Highlands. Bagaimanapun tidak terdapat banyak maklumat mengenai hasil ini. Memandangkan kekurangan maklumat mengenai ladang teh maka kajian ini dilakukan di sebuah ladang teh di Cameron Highlands. Di samping itu sejak dari permulaan lagi dalam penghasilan teh pekerja wanita digunakan. Oleh itu pekerja wanita ladang teh adalah sangat sesuai untuk dikaji, iaitu mengapakah mereka terus bekerja di ladang teh hingga ke hari ini.

Kajian ini dilakukan di ladang teh East* di Cameron Highlands. Terdapat juga beberapa ladang teh di Cameron Highlands iaitu lebih kurang tiga buah ladang teh sendirian berhad dan sebuah ladang teh di pusat penyelidikan MARDI. Terdapat dua sebab utama mengapa ladang teh ini dipilih: pertama, dalam menjalankan sesuatu kajian penerimaan pengkaji oleh para responden adalah sangat penting. Jadi disebabkan pengkaji mempunyai 'contact' dengan pihak majikan ini akan memudahkan pengkajian.

* Nama samaran digunakan kerana pihak tuan punya ladang tidak ingin nama ladang diketahui umum kerana sebab-sebab tertentu. Namun begitu penyelia kajian telah pergi ke ladang ini untuk mengesahkan keujudan ladang ini.



(1)



(2)

(1) & (2) Pemandangan ladang teh daripada dua sudut pemandangan.
Banyak pekerja bule yang masih sebagai pengaruh.
sebenarnya wajib yang mereka buat dilindungi oleh hasil kerjanya

Sebab kedua ialah ladang teh East adalah terletak di tepi jalan dan terdapat perkhidmatan awam untuk sampai ke situ. Kemudahan berulang alik ke tempat kajian juga sangat penting dalam menjalankan sebuah kajian.

Sebilangan besar pekerja di ladang teh ini adalah berbangsa India dan yang lain adalah orang Asli. Disebabkan penghasilan teh adalah dijalankan oleh orang India sejak dari mula lagi maka dirasakan adalah lebih sesuai jika kajian ini hanya menumpu pada pekerja-pekerja orang India sahaja.

Selain dari itu kajian ini hanya ditumpukan pada pekerja yang menetap di ladang teh dan pekerja masyarakat Asli tidak menetap di ladang teh ini tetapi berulang alik tiap-tiap hari dari kampung mereka. Oleh itu mereka tidak diambil sebagai responden kerana salah satu perkara yang mahu di selidiki oleh pengkaji ialah kemudahan tempat tinggal dan lain-lain kemudahan yang disediakan oleh majikan bagi pekerja-pekerja yang menetap di ladang itu. Jika pekerja Asli diambil sebagai responden maka cara pengkajian perlu diubah.

Selain itu jika pekerja Asli diambil sebagai responden akan timbul masalah bahasa. Dengan pekerja India juga ujud masalah bahasa tetapi jika dibandingkan dengan pekerja Asli masalah bahasa adalah kurang 'serious'. Jadi memandangkan faktor-faktor ini hanya pekerja India sahaja diambil sebagai responden. Kesemua pekerja wanita yang sudah berkahwin diladang teh East diambil oleh pengkaji sendiri ke dalam barang soal selidik.

sebagai responden. Seramai lapan belas pekerja wanita yang sudah berkahwin diambil sebagai responden. Sepuluh orang daripada mereka adalah pekerja di kilang teh dan yang lapan orang lagi adalah pemerkik daun teh.

Beberapa aspek kehidupan pekerja wanita ladang teh ini akan dikaji. Misalnya, latar belakang responden dan ahli keluarganya, aspek ekonomi keluarga responden, tingkat pelajaran yang diterima oleh responden, dan juga aspek kehidupan sosial responden. Akan diperhati juga cara responden berinteraksi antara satu sama lain dan sama ada komuniti ini adalah satu komuniti tertutup atau tidak.

lc. Metode Yang Digunakan

Kajian ini adalah satu kajian kes iaitu mengenai pekerja-pekerja wanita yang sudah berkahwin di sebuah ladang teh di Cameron Highlands. Dalam menjalankan kajian kes ini telah digunakan beberapa metode kajian untuk mendapatkan data-data.

Metode 'non Participant Observation' telah digunakan. Pengkaji hanya memerhatikan tingkah laku responden dengan tidak melibatkan diri dalam aktiviti mereka. Temuduga telah diadakan dengan responden dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik ini disediakan dahulu sebelum menjalankan kajian. Soal selidik ini merangkumi soalan yang terbuka dan soalan tidak terbuka. Sama ada soalan terbuka atau tidak, semua jawapan diisikan oleh pengkaji sendiri ke dalam borang soal selidik.

Temuduga juga dibuat dengan ahli keluarga responden dan juga pengurus ladang teh East. Temuduga dengan mereka ini adalah berbeza dengan temuduga responden. Mereka ini hanya ditemuduga secara tidak formal.

Kajian ini dibuat dalam jangkamasa satu bulan. Bagaimana-pun temuduga tidak dijalankan tiap-tiap hari, ini disebabkan pekerja tidak senang ditemuduga pada waktu menjalankan pekerjaan. Dengan itu responden ditemuduga pada hari minggu sahaja apabila mereka senang. Kadang-kadang pengkaji juga ke tempat kajian walau-pun tidak menjalankan temuduga untuk memerhatikan aktiviti-aktiviti responden.

Selain menjalankan kajian luar, pengkaji juga menggunakan bahan-bahan di perpustakaan untuk menolongnya dalam kajian. Bahan-bahan dari perpustakaan lebih digunakan dalam menolong pengkaji dalam penulisan kajian terutama dalam perkara yang berkaitan dengan teori.

Id. Masalah Dalam Kajian

Dalam menjalankan satu kajian adalah sangat susah untuk mengelakkan diri dari sebarang masalah. Oleh itu kajian ini tidak berbeza dengan kajian lain, juga mempunyai beberapa masalah yang perlu diatasi.

Dalam memilih ladang teh untuk kajian ini juga menimbulkan beberapa masalah. Ladang teh East kalau dibandingkan dengan ladang-

ladang teh lain adalah jauh lebih kecil dan oleh kerana itu bilangan pekerja adalah lebih sedikit. Bilangan pekerja yang sedikit menyebabkan tidak ada pilihan bagi pengkaji dalam memilih responden dan menyebabkan beliau mengambil semua pekerja wanita yang sudah berkahwin sebagai responden. Bagaimanapun, walaupun ladang teh East adalah lebih kecil dari ladang teh lain ia adalah lebih dekat dengan kediaman pengkaji dan kemudahan berulang alik adalah lebih penting daripada luas ladang teh itu. Luas atau tidak, ramai atau tidak bilangan pekerja boleh dikatakan hanya masalah kecil kerana skil kajian boleh dikecilkkan.

Walau bagaimanapun terdapat sebuah ladang teh di pusat penyelidikan MARDI yang boleh dikatakan dekat dengan kediaman pengkaji. Ladang teh ini juga tidak dipilih kerana ladang teh ini ialah satu ladang teh untuk penyelidikan maka kesahan data-data yang diperolehi mungkin tidak tepat. Dengan itu ladang teh East telah menjadi pilihan.

Banyak masalah timbul semasa kajian ini dijalankan. Masalah yang paling utama ialah masalah bahasa. Ramai juga di antara pekerja-pekerja India ini tidak tahu bertutur bahasa Malaysia. Kajian ini melibatkan banyak temuduga dengan responden, kesusahan berkomunikasi dengan responden akan menimbulkan satu masalah yang 'serious'. Bagaimanapun pengkaji bernasib baik kerana terdapat seorang gadis yang masih dalam tingkatan lima, menolong pengkaji dalam temuduganya. Gadis ini boleh dikatakan sebagai seorang

'informant', menolong pengkaji dalam menterjemahkan soalan kepada responden dan jawapan responden kepada pengkaji. Kadang kala informan ini mengujudkan masalah kerana beliau cenderung menjawab soalan yang ditanya oleh pengkaji kepada responden, daripada menterjemahkan soalan kepada responden. Walau bagaimanapun informan ini hanya menolong pengkaji pada satu hari sahaja. Selepas pengkaji lebih berkenalan dengan tempat kajian dan setengah daripada responden, pengkaji pun berhadapan dengan responden-responden berseorangan secara langsung. Setiap kali pengkaji berhadapan dengan responden yang tidak boleh bertutur bahasa Malaysia biasanya terdapat ahli keluarga atau jiran responden yang boleh bertutur bahasa Malaysia. Keadaan begini telah banyak monolog pengkaji dalam kajiannya.

Bila pengkaji menemuduga responden pada hari minggu biasanya suami responden ada bersama responden. Masalah timbul di mana suami responden biasanya menjawab soalan yang ditanya oleh pengkaji bagi pihak isteri mereka. Oleh itu kadang-kadang jawapan yang diterima lebih merupakan jawapan suami responden dan bukan jawapan responden. Pengkaji cuba mengatasi masalah ini dengan menemuduga responden apabila suami responden tiada di rumah. Jikalau suami responden berada di rumah pengkaji cuba sedaya upaya menyoloal responden dan bukan suaminya. Tetapi kadang-kadang masalah ini tidak dapat dielakkan kerana responden tidak tahu bertutur bahasa Malaysia ataupun sisuami adalah sangat 'dominant' dan siisteri tidak membuat apa-apa keputusan.

Adalah sangat 'ideal' kalau satu kajian pilot diadakan sebelum kajian luar dijalankan. Dalam kajian ini kajian pilot tidak diadakan oleh pengkaji. Ini adalah kerana terdapat beberapa kesulitan, untuk ke tempat kajian yang terletak di Cameron Highlands merupakan satu masalah juga. Selain dari itu kajian ini adalah satu kajian yang berskil kecil sahaja. Oleh itu pada pendapat pengkaji tidak perlu diadakan satu kajian pilot. Jika terdapat apa-apa masalah pengkaji boleh membuat perubahan semasa kajian dijalankan. Memangpun terdapat masalah dalam borang soal selidik. Terdapat beberapa soalan dalam borang soal **selidik** yang tidak sesuai untuk kajian. Jadi soalan-soalan yang tidak sesuai ini akan ditinggalkan sahaja oleh pengkaji. Sebaliknya kadang-kadang terdapat soalan-soalan yang dirasai sesuai tetapi tidak terdapat dalam soal **selidik**. Dengan itu pengkaji akan menambahkan soalan-soalan yang dirasakan perlu. Ada kala juga dimana pengkaji terpaksa mengubah bentuk soalan supaya responden-responden dapat memahami apa yang ditanya oleh pengkaji. Bagaimanapun satu kelemahan menggunakan borang soal selidik ialah kadang-kadang jawapan yang diberi oleh responden tidaklah benar kesemuanya. Kadang-kadang responden tidak ingin memberi jawapan yang sebenar kepada pengkaji oleh itu mereka mungkin memberi jawapan yang difikirkan akan memuaskan pengkaji. Oleh itu pengkaji tidak menerima jawapan responden begitu sahaja dan mesti mengesahkan jawapan-jawapan responden melalui perbualan dan pemerhatian pengkaji.

Hari minggu adalah hari pengkaji menjalankan temuduga dengan responden-responden kerana hari ini adalah hari responden senang. Tetapi hari minggu juga hari responden pergi ke bandar atau pergi melawat saudara mara. Oleh kerana itu kadang-kadang responden tiada di rumah apabila pengkaji ingin menemuduga mereka. Disebabkan keadaan begini pengkaji terpaksa menemuduga satu dua responden pada hari responden bekerja di waktu rehat.

Masalah yang terakhir ialah pihak tuan punya ladang teh telah meminta pengkaji supaya jangan menerbitkan nama sebenar ladang teh yang dikaji. Ini adalah kerana beberapa sebab yang tertentu. Keadaan begini mungkin akan menimbulkan kecurigaan pembaca terhadap pengkaji. Bagaimanapun masalah ini dapat diatasi kerana penyelia pengkaji telah datang melawat ladang teh East semasa membuat penyeliaan terhadap pengkaji dan kesahihan tempat kajian ini boleh diperakui oleh beliau.

Kajian ini dapat dijalankan dengan sempurna juga walaupun terdapat beberapa masalah seperti disebut di atas. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini akan dibincangkan dengan terperinci dalam bab-bab seterusnya.

Di bawah seorang wanita. Mungkin sikit sebab istana iaitu kerana dalam situasi seperti ini mereka merasa "infusler".

Wanita tidak boleh dinasikan makna hingga ke hari ini di mana wanita juga boleh menaik ke kuil, walaupun wanita tetap dianggap lebih rendah kedudukannya daripada lelaki. Seorang

BAB II

RANGKA TEORI MENGENAI PERANAN WANITA:

PEKERJA WANITA YANG SUDAH BERKAHWIN

Pada zaman ini wanita yang sudah berumahtangga tetapi masih keluar bekerja adalah satu fenomena yang biasa. Mereka tidaklah hanya bekerja sambilan malah ramai yang bekerja sepenuh masa. Wanita yang keluar bekerja zaman sekarang adalah terdiri daripada yang bekerja sebagai buruh kasar hingga kepada seorang berkedudukan tinggi. Walaupun boleh dikatakan bahawa kaum wanita telah berjaya memperolehi 'penerimaan masyarakat' (sosial approval) untuk keluar bekerja tetapi masih terdapat banyak prasangka dan kecurigaan di kalangan masyarakat tentang peranan wanita sebagai seorang pekerja. Kaum lelaki terutamanya yang bekerja dibawah seorang wanita selalu menyuarakan ketidakpuasan mereka. Selain daripada itu mereka selalu mempunyai pendapat bahawa seorang pegawai wanita atasan adalah cerewet, tidak mempunyai kebolehan seperti seorang lelaki, susah memuaskan hatinya dan susah untuk bekerjasama. Ramai di antara kaum lelaki, jika mempunyai pilihan tidak tingin bekerja di bawah seorang wanita. Mungkin satu sebab utama ialah kerana dalam situasi seperti ini mereka merasa 'inferior'.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa hingga ke hari ini di mana wanita juga boleh menaik ke bulan, kaum wanita tetap dianggap lebih rendah kedudukannya daripada kaum lelaki. Seorang

eksekutif wanita boleh memainkan peranan yang tinggi di pejabat dan boleh memberi arahan tetapi sebaik sahaja beliau kembali ke rumah ia pula adalah di bawah suruhan suami dan anak-anaknya. Ia boleh dikatakan adalah norma hidup manusia sejak hari Adam dan Hawa dicipta oleh Tuhan. Kaum wanita dan kaum lelaki seolah-olah distigma dengan ciri-ciri yang tertentu oleh masyarakat. Lelaki biasanya dikaitkan dengan ciri-ciri seperti gagah, agresif, berdikari, dominan dan 'competitive'. Wanita pula dikatakan lemah, pasif, bergantung kepada pihak lelaki dan pihak yang selalu diperintah.

2a. Kedudukan Wanita - dari orientasi 'domestic' dan 'awam' (public)

Kedudukan antara kaum wanita dan lelaki memang banyak dibincangkan oleh ahli-ahli biologi, ahli psikologi, ahli antropologi dan sosiologi, ahli-ahli ugama malah ahli-ahli ekonomi. Tiap-tiap golongan ini memberi hujah-hujah dan bukti-bukti mengapa kaum wanita patut mempunyai kedudukan yang lebih rendah daripada kaum lelaki. Hasilnya ialah, mengikut mereka kedudukan antara kaum wanita dan lelaki boleh dilihat dari tiga aspek iaitu aspek psiko-biologikal aspek sosialisasi dan faktor ekonomi. Sama ada yang dikemukakan oleh ahli-ahli ini mempunyai kebenaran atau tidak masih menjadi satu persoalan kerana mereka ini mempunyai ramai pembangkang. Pembangkang-pembangkang ini terdiri daripada ahli-ahli Pergerakan Pembebasan Wanita, ahli-ahli antropologi seperti Margaret Mead,

Simone De Beauvoir dan ramai lagi, dan mereka yang giat dalam kajian-kajian mengenai kaum wanita. Pembangkang-pembangkang ini juga mempunyai hujah-hujah mereka untuk menentang golongan ahli-ahli yang pertama tadi dengan menyatakan kedudukan tinggi rendah seseorang itu tidak sepatutnya disebabkan oleh jantina.

Yang jelas sekarang ialah masyarakat biasanya lebih cenderung kepada pendapat bahawa kaum wanita adalah pihak yang berkedudukan lebih rendah berbanding dengan kaum lelaki. Dari segi kekuatan fizikal kaum lelaki memanglah lebih kuat daripada kaum wanita. Oleh itu, ini seolah-olah menjadi bukti dan memperkuatkan perbezaan kaum wanita dan lelaki dari aspek psiko-biologi. Keupayaan wanita melahirkan anak juga secara tidak langsung menjadi satu batasan fizikal kepadanya apabila beliau dalam masa mengandung. Ideologi sekular dan kepercayaan ugama juga mempunyai pengaruh kuat kepada orang ramai. Dalam kepercayaan ugama, seperti Islam dan Kristian, tugas seorang isteri ialah melayan dan mesti mengikut suruhan suaminya. Dengan itu kepercayaan ugama seolah-olah menjadikan pandangan bahawa wanita adalah sub-ordinat kepada kaum lelaki satu yang rasional!

Untuk menentukan status seorang wanita, aspek 'domestic' dan awam menjadi amat penting. Seterusnya pula harus diperhatikan darjah penghormatan yang diterima oleh kaum wanita di bidang 'domestic' dan di bidang awam. Peranan 'domestic' adalah merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam lingkungan sebuah

unit keluarga dan di dalam rumah tangga. Peranan ini tentu sekali adalah sering dikaitkan dengan kaum wanita. Peranan awam pula adalah aktiviti-aktiviti politik, ekonomi yang ujud di luar lingkungan keluarga di luar rumah tangga dan peranan ini adalah dihubungkan dengan kaum lelaki. Kaum wanita dikaitkan dengan aspek 'domestic' dan bukan aspek awam adalah dipengaruhi oleh peranan ibu bagi seorang wanita. Aspek sahsiah wanita, kewibawaannya dan penghasilannya jika dilihat menerusi kedua orientasi 'domestic' dan 'awam' ini akan menghasilkan rangka kerja yang baik untuk memahami peranan wanita dan peranan lelaki dalam sesebuah masyarakat.

Mengikut Chodorow (dipetik dari Rosaldo, 1974:25) penglibatan seorang wanita dalam penjagaan anak akan mengujudkan kesan dalam perkembangan kanak-kanak lelaki dan perempuan. Pandangan Chodorow ini mempunyai kaitan rapat dengan pendapat Rosaldo (1974: 28), bahawa status menjadi seorang wanita adalah berbentuk 'ascribed' dan status menjadi seorang lelaki adalah berbentuk 'achieved'. Menurut Chodorow bagi seorang gadis, dari kecil lagi ia boleh mengikuti jejak ibunya. Perhubungan seorang gadis dengan wanita-wanita yang lebih tua darinya adalah perkara yang biasa. Tetapi bagi budak-budak lelaki terdapat sedikit perbezaan. Budak-budak lelaki tidak seperti gadis-gadis pada peringkat 'late childhood' tidak mempunyai banyak tanggungjawab oleh itu mereka lebih cenderung bergaul dengan rakan-rakan sebaya. Perhubungan ini lebih berunsur

bersaingan dan lebih cenderung menghasilkan pertalian yang awam.

Pendek kata gadis-gadis lebih senang memasuki ke alam seorang wanita berbanding dengan seorang budak lelaki menjadi seorang lelaki dewasa. Tetapi dalam aspek lain beliau mungkin dapat menerima kedudukan yang rendah seperti ibunya, dengan rela.

Sementara bagi kaum lelaki mereka terpaksa berusaha mungkin dengan merantau atau berjauhan dari rumah untuk memperolehi penghormatan, kuasa dan kewibawaan, kaum wanita akan memperolehi ini semua melalui hubungan mereka dengan kaum lelaki.

Rosaldo juga mempunyai pendapat yang sama seperti Chodorow. Menurutnya menjadi seorang lelaki dewasa adalah satu pencapaian, kerana pengalaman seorang lelaki dari kecil hingga ke dewasa tidak mempunyai penyambungan (continuity). Semasa kecil beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan ibunya sahaja dan jarang sekali berjumpa dengan bapanya yang bekerja. Seorang gadis menjadi seorang wanita dengan mengikut jejak ibunya. Tetapi bagi seorang lelaki beliau terpaksa membuktikan sifat kelelawarnya. Walaupun semasa kecil beliau adalah rapat dengan ibunya, tetapi apabila beliau mencapai umur yang lebih tua beliau ditegah mengikut perlakuan ibunya. Jadi ini dipandang sebagai satu pencapaian kerana tahap-tahap yang terpaksa dilalui oleh seorang lelaki. Bagi kaum wanita, dalam banyak masyarakat, tidak terdapat ciri-ciri yang membezakan mereka. Masyarakat pemburu menganggap, kaum lelaki sejauh pihak yang bersanggungan untuk keluar dan memburu untuk makan. Sementara itu pihak wanita mungkin ditugaskan menanggul makanan yang terdapat

Menurut Simmel;

"the most general of her qualities, the fact that she was a woman and as such served the function proper to her sex, caused her to be classified with all other women under one general concept"

(1955:180, garisan ditambah)

Dengan lain perkataan menjadi seorang wanita tidak merupakan apa-apa pencapaian beliau adalah hanya merupakan satu status yang ascribe, kerana menjadi seorang wanita adalah sesuatu yang semulajadi (natural).

Kaum wanita dipersepsikan oleh masyarakat sebagai individu yang sangat rapat dengan anak-anaknya. Persepsi ini juga secara tidak langsung merapatkan kaum wanita dengan orientasi 'domestic'. Kaum lelaki yang selalu berjauhan dari rumahnya dan keluarganya, sebaliknya mempunyai hak dari segi politik dan ekonomi ke atas anak-anak mereka, berbanding dengan kaum wanita. Kaum wanita bukan sahaja mempunyai hubungan rapat dengan anak-anak mereka malah dianggap rapat dengan semua individu. Mereka seolah-olah terpaksa melayan keperluan setiap individu di sekeliling mereka. Perhubungan seperti ini secara tidak langsung menyebabkan ketiadaan kewibawaan pihak kaum wanita. Bagi pihak lelaki keadaannya adalah berbeza. Mereka adalah biasa berjauhan dari keluarga, misalnya dalam masyarakat pemburu pemungut, kaum lelaki adalah pihak yang bertanggungjawab untuk keluar dan memburu untuk makanan. Sementara itu pihak wanita adalah ditugaskan memungut makanan yang terdapat

di persekitaran kawasan kediaman dan yang penting sekali bertanggung-jawab dalam sosialisasi anak-anak mereka. Jadi jelaslah bahawa pihak lelaki sama ada dari segi fizikal atau dari segi sosial, memang tidak rapat dengan anak-anak mereka. Tetapi jurang ini sebaliknya menyebabkan hak kewibawaan yang lebih tinggi bagi kaum lelaki. Kerana pengasingan (distance) ini membenarkan pihak lelaki memanipulasi alam sosialnya dan dengan ini mereka boleh mengalak daripada penglibatan yang 'intimate' (rapat). Jadi asasnya ialah kaum wanita dalam aspek awam tidak mempunyai atau tahap kewibawaannya adalah rendah.

Status atau kuasa seorang wanita mempunyai hubungan rapat dengan penghasilan ekonomi. Aktiviti ekonomi kaum wanita adalah pelbagai daripada menjadi seorang suri rumah tangga hingga kepada pedagang 'jarak jauh' (long distance) orang wanita Afrika. Walaupun pada masa dahulu wanita tidak keluar bekerja sumbangan mereka kepada penghasilan ekonomi tidak kurang juga. Walau bagaimanapun sumbangan daripada kaum wanita adalah kurang berorientasi awam berbanding dengan lelaki. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh wanita adalah lebih ditumpukan kepada rumah dan keluarga. Jikalau hasil pengeluaran kaum wanita adalah untuk komuniti lebih luas beliau biasanya adalah berhubung dengan penghasilan kaum lelaki ataupun beliau adalah 'secondary' kepada aktiviti kaum lelaki. Satu lagi faktor mengapa aktiviti-aktiviti kaum wanita dianggap kurang penting ialah kerana biasanya aktiviti-aktiviti mereka tidak diberi nilai wang. Berbanding dengan aktiviti-aktiviti lelaki, yang bekerja di luar rumah selalu

dibayar dengan wang atau upahan untuk perkhidmatan yang diberi oleh mereka. Dalam dunia yang materialistik tentu sekali aktiviti-aktiviti yang dibayar dengan wang atau upahan kelihatan lebih penting.


Status, kuasa dan kewibawaan seorang wanita adalah berputar keliling kedua orientasi 'domestic' dan awam . Status seorang wanita biasanya adalah lebih rendah dalam sebuah masyarakat dimana perbezaan antara orientasi domestic dan orientasi awam adalah ditegaskan. Sebaliknya jika dalam satu masyarakat dimana kaum lelaki juga memainkan peranan domestic dan kaum wanita dapat masuk ke bidang awam , maka status seorang wanita tidaklah begitu rendah. Oleh itu satu cara untuk meninggikan status mereka, ialah kaum wanita terpaksa mengambil peranan yang biasa diambil oleh pihak lelaki. Cara yang lain ialah dengan mencipta satu dunia awam mereka sendiri. Jika dalam masyarakat yang amat mementingkan perbezaan antara aspek domestic dan awam satu lagi alternatif menaikkan status seorang wanita ialah dengan memainkan peranan sebagai seorang wanita yang sejati. Cara bagaimana seorang wanita boleh memperolehi kuasa dengan alternatif ini boleh dilihat di mana seorang isteri boleh menjadi sumber yang kuat mempengaruhi pendapat suaminya. Jadi bagi seorang wanita mendapat kuasa, kewibawaan atau status yang tinggi beliau mesti mempunyai hubungan atau pengenalan awam .

Untuk memperolehi kuasa bukanlah satu yang susah bagi kaum wanita. Misalnya, wanita-wanita Ibo, mereka boleh dikatakan mempunyai kuasa ekonomi kerana periok-periok dibuat oleh mereka untuk dijual.

Walaupun begitu mereka tidak mempunyai kewibawaan ekonomi kerana pendapatan dikawal oleh pihak lelaki. Di rumah seorang isteri boleh dikatakan mempunyai kuasa yang penuh tetapi mereka tidak mempunyai kewibawaan dan kewibawaan tetap dalam tangan suaminya. Tetapi jika seorang wanita mempunyai pengenalan awam maka statusnya dan kewibawaannya akan dinaikkan. Oleh itu untuk memahami dengan lebih mendalam maka kita harus melihat status wanita dalam bidang awam.

Peggy R. Sanday (1974:189) berpendapat bahawa aktiviti-aktiviti kaum wanita dan kaum lelaki berada dalam tiga lingkungan, iaitu lingkungan pertahanan, subsisten dan pengeluaran. Tenaga wanita pada asalnya adalah dalam lingkungan pengeluaran dan kaum lelaki adalah dalam lingkungan subsisten. Oleh kerana ujudnya penaklukkan maka kaum lelaki pun bergerak kepada lingkungan pertahanan, misalnya terlibat dalam perang. Disebabkan ini setengah kaum wanita pun bergerak kelingkungan subsisten mengganti tempat pihak lelaki. Apabila keadaan tenteram semula maka kaum wanita pun pulang kepada peranan asal mereka iaitu dalam lingkungan pengeluaran (Rajah 2.1). Bagaimanapun terdapat juga sebilangan wanita yang terus tinggal dalam lingkungan subsisten. Kadang-kadang bilangan mereka mungkin bertambah menjadi lebih ramai daripada kaum lelaki. Keadaan sedemikian boleh diakibatkan oleh jangkamasa yang lama kaum lelaki berada dalam bidang pertahanan. Keseimbangan dalam pengagihan pekerjaan di mana kedua pihak lelaki dan wanita menyumbang dalam


aktiviti-aktiviti subsisten mungkin berlaku akibat kemasukan kaum wanita ke arena subsisten. Apabila keadaan ini ujud ia akan memberi pengaruh yang kuat dalam perkembangan **status awam kaum wanita**.



Rajah 2.1 Pengaliran tenaga kaum wanita dan lelaki dalam tiga lingkungan - petik dari teori Sanday.

Yang dikemukakan di atas adalah merupakan satu andaian yang sangat umum. Pada praktiknya perhubungan yang 'linear' sahaja. (Rajah 2.1). Tujuan utama mengapa wanita mengambil tempat kaum lelaki dalam lingkungan subsisten ialah supaya kehidupan boleh berterusan. Walaupun begitu mungkin terdapat cara atau pilihan lain untuk mengekalkan kehidupan. Jadi apa yang berlaku, mengikut Sanday (dipetik dari Rosaldo, 1974:196) bergantung kepada saling perhubungan beberapa angkubah. Iaitu sama ada kaum wanita masuk ke arena subsisten bergantung kepada keadaan ekologi yang membenarkan atau tidak, penggunaan tenaga kaum wanita. Misalnya jika alam semulajadi adalah sesuai untuk pertanian pindah randah maka ini boleh memungkinkan kaum wanita masuk ke arena subsisten. Rajah 2.2 (rujuk mukasurat 22) boleh memberi satu gambaran tentang teori mengenai status didalam domain awam oleh Sanday.

Rajah 2.2 Teori status wanita dalam 'domain' awam oleh Sanday



Jika kita berdasarkan kepada andaian Sanday yang pertama kita akan dapat memahami mengapa kaum lelaki jikalau berbanding dengan kaum wanita memperolehi status awam yang lebih tinggi iaitu kerana pada asalnya kaum lelaki yang memainkan peranan yang penting dalam arena subsisten dan pertahanan. Oleh kerana ketidak hadirin kaum lelaki dalam lingkungan subsisten untuk satu jangkamasa yang lama maka kaum wanita mengganti tempat mereka. Akibatnya ialah tiga kemungkinan boleh ujud: wanita tinggal buat sementara waktu dalam arena subsisten, mereka tinggal sebagai buruh dalam arena subsisten dan akhirnya mereka boleh tinggal terus dan bekerjasama dengan kaum lelaki dalam lingkungan subsisten. Jika kemungkinan yang terakhir menjadi pilihan maka kaum wanita boleh mengembangkan kedua kuasa politik dan ekonomi mereka. Rajah 2.2 menunjukkan bahawa adanya kenaikan permintaan dalam setengah pengeluaran wanita. Keadaan demikian boleh menyebabkan perkembangan dalam hak ekonomi wanita dan seterusnya ujud perubahan dalam statusnya. Mengikut andaian Sanday lagi, melalui masa kedua kuasa politik dan ekonomi wanita boleh menjadi sah.

Jadi apabila kaum wanita dapat masuk kedalam bidang awam status mereka pun dapat dinaikkan. Dengan lain perkataan apabila peranan 'domestic' dan awam dapat dikongsi oleh kedua kaum wanita dan lelaki. Jika perbezaan taraf antara kaum wanita dan lelaki tidaklah harus dianggap sebagai saling bersaingan tetapi saling berhubungan.

2b. Wanita Yang Sudah Berkahwin - Pekerjaan dan Tempatnya

Peranan seorang wanita boleh dikatakan telah mengalami banyak perubahan dari zaman lalu hingga ke sekarang. Dahulunya wanita boleh dikatakan adalah saling bekerjasama dengan suaminya dalam kebanyakkan pengeluaran barang-barang untuk pertukaran bagi penggunaan keluarga. Misalnya di masyarakat pra-kapitalistik, seperti zaman feudal England pekerjaan dan aktiviti keluarga adalah tindih menindih. Malah keluarga adalah unit asas dalam pengeluaran. Akibatnya, tidak terdapat perbezaan antara peranan sebagai seorang isteri ataupun sebagai seorang pekerja.

Bagaimanapun dengan ujudnya perindustrian peranan seorang wanita yang sudah berkahwin dan seorang pekerja wanita mempunyai banyak perbezaan. Sebelum berlakunya revolusi perindustrian aktiviti-aktiviti terletak berhampiran dengan kawasan perumahan. Ini menunjukkan bahawa golongan isteri memainkan peranan penting dalam kedua bidang, keluarga dan penghasilan. Tetapi selepas revolusi perindustrian tempat pekerjaan adalah diasangkan dengan tempat perumahan. Akibat dari ini ujudnya dua 'domain', lelaki dan wanita. Seterusnya kaum wanita selalu dikaitkan dengan sifat-sifat yang khusus seperti menurut Keller (dipetik dari Rosaldo, 1974:417) "core aspects of female role stress nurturance; reliance on a male provider; concentration on marriage, home and childhood..." Dengan itu tempat seorang wanita/isteri adalah di rumah dan mengurus tentang hal rumahtangga adalah kerjayanya.

Walau bagaimanapun tetap terdapat kaum wanita yang sudah berkahwin bekerja dari dahulu hingga ke sekarang. Kedua-dua Pererangan Dunia 1 dan Perang Dunia ke 2 telah banyak mempengaruhi kaum wanita, terutama mereka yang sudah berkahwin untuk keluar bekerja. Pada masa pererangan ramai wanita diambil untuk bekerja, mengganti tempat kaum lelaki*. Kekurangan tenaga buruh telah mendorong ramai wanita diambil untuk bekerja dalam berbagai bidang pekerjaan seperti bekerja di kilang, menjadi kerani, guru, jururawat dan sebagainya. Penglibatan dalam pekerjaan-pekerjaan ini yang khususnya dilakukan oleh kaum lelaki telah secara tidak langsung menyedarkan kaum wanita tentang kebolehan mereka dalam melakukan pekerjaan kaum lelaki.

Walau bagaimanapun apabila keadaan menjadi tenteram semula kaum wanita tidak lagi diambil untuk bekerja. Mereka yang sedang bekerja diharap dan jangka akan pulang kepada kerja-kerja mereka di rumah. Mereka yang tinggal dilayan seperti pekerja lelaki dan bukan seperti wanita yang melakukan pekerjaan kaum lelaki, seperti zaman pererangan. Isteri-isteri yang keluar bekerja sekarang dianggap tidak mempunyai sifat kewanitaan dan sebagai seorang deviant yang melanggar norma sosial. Begitu keadaan untuk kaum wanita,

* Seperti dalam andaian Sanday wanita menggantikan tempat kaum lelaki dalam arena subsisten apabila kaum lelaki berjuang dalam arena pertahanan.

semasa peperangan wanita terutama yang sudah berkahwin keluar bekerja adalah satu yang biasa dan mengikut norma sosial. Bagaimanapun selepas peperangan semua ini tidak boleh diterima lagi. Keadaan kaum wanita yang sudah berkahwin seolah-olah sebuah bola yang boleh dilempar ke sana ke mari. Walau bagaimanapun selepas Perang Dunia ke 2 wanita yang sudah berkahwin baik yang masih mempunyai suami atau tidak: yang sudah bercerai atau suaminya meninggal, bilangan mereka yang keluar bekerja telah meningkat. Jadi boleh dikatakan keinginan untuk keluar bekerja telah ujud dalam kaum wanita, selain itu juga, ujud faktor-faktor yang memungkinkan mereka keluar bekerja.

Selepas Perang Dunia ke 2 dan hingga membawa ke mana sekarang kaum wanita yang sudah berkahwin dan tetap bekerja tidak dapat di terima dengan sepenuhnya oleh masyarakat. Tugas seorang isteri tentulah melayan suaminya dan masyarakat juga menganggap dengan permulaan sesuatu perkahwinan bermakna berakhirnya kerjaya seorang wanita. Ibu yang bekerja dianggap oleh masyarakat adalah ibu yang tidak penyayang dan tidak bertanggungjawab. Jadi untuk seorang wanita yang sudah berkahwin dan masih bekerja dia terpaksa berupaya memainkan kedua peranan 'domestic' dan peranan awam. Dengan lain perkataan kaum wanita mesti berkebolehan untuk melakukan kedua tugas membeli sayur, menghantar anak-anaknya ke sekolah, mengurus hal rumah tangga dan seterusnya melakukan pekerjaannya sebagai seorang pekerja. Dalam kajian-kajian yang dilakukan didapati walaupun suami mereka membenarkan mereka keluar bekerja, kaum wanita tetap terpaksa

melakukan tugas mereka sebagai seorang isteri dan ibu, selain dari itu hanya sebilangan kecil sahaja suami yang berpendapat bahawa mereka patut menolong isteri mereka dalam pengurusan rumah-tangga. Misalnya dalam kajian Haavio-Mannila (dipetik dari On Being a Woman, 1977:36) menunjukkan pendapat kaum wanita dan lelaki tentang pihak suami menolong isteri mereka. Walaupun terdapat perbezaan (Jadual 2.1) antara 1966 dan 1970, iaitu pihak lelaki telah meningkat peratusan dalam pendapat bahawa kaum lelaki patut menolong isteri mereka dalam pengurusan hal rumah tangga, peratusan mereka tetap rendah daripada kaum wanita.

	1966		1970	
	Helsinki %	Luar bandar %	Helsinki %	Luar bandar %
Lelaki	21	36	57	48
Wanita	38	50	78	79

(Sumber: Haavio-Mannila 1972:98 dan 101)

Jadual 2.1 Peratusan pendapat daripada kaum lelaki dan wanita di kawasan bandar dan luar bandar daerah Finland, tentang kaum lelaki patut menjalankan tugas di rumah.

Jadi wanita yang sudah berkahwin terpaksa melakukan kedua-dua peranan sebagai isteri dan pekerja atau mencari bantuan daripada sumber yang lain misalnya mengajikan orang gaji atau menghantar anak-anak ke taman asuhan. Mengikut lebih ramai wanita yang adalah kerangka rumah tangga, ada aktiviti tahun-tahun yang pulihari pergeseran ini telah menyuarakan tentang ketidakpuasan hati

Oleh itu menurut Alfreda P. Iglehart (1979) terdapat dua teori, iaitu 'push theory' (teori mendorong) dan 'pull theory' (teori menarik). Terdapat beberapa pengkaji yang mengatakan terdapat beberapa faktor yang boleh digolongkan kepada orientasi 'mendorong' dan 'menarik'. Ramai pengkaji yang mengatakan bahawa faktor-faktor luaran yang bertanggungjawab meninggikan bilangan wanita yang muda berumah tangga keluar bekerja dan ini mereka kelaskan dibawah orientasi 'menarik'. Di pihak faktor yang berhubung dengan individu dan rumah tangga adalah faktor yang mendorong kaum wanita keluar bekerja.

Teori menarik adalah berasaskan alasan Permintaan dan Penawaran. Misalnya Oppenheimer (dipetik dari Iglehart, Alfreda 1979:5) mengatakan permintaan kepada pekerja wanita yang sudah berumah tangga adalah beralaskan permintaan dan penawaran. Oleh kerana selepas tahun 1940 penawaran wanita yang muda dan belum kahwin telah berkurangan, sementara permintaan terhadap mereka lebih disukai oleh majikan. Menurut 'U.S. Women's Bureau' (1944:17) bilangan wanita yang sudah berkahwin telah meningkat selama tahun-tahun peperangan sementara bilangan wanita yang belum berkahwin telah menurun. Akibatnya ialah lebih wanita yang sudah berkahwin diambil untuk memenuhi kekurangan tenaga buruh.

Selain itu Pergerakan Pembelaan Wanita juga adalah satu daripada faktor-faktor yang menggalakkan lebih ramai wanita yang sudah berumah tangga keluar bekerja. Pada Akhir tahun-tahun enam puluhan pergerakan ini telah menyuarakan tentang ketidakpuasan hati

mereka terhadap peranan kaum wanita dan kaum lelaki. Mereka menuntut hak sama antara lelaki dan wanita, diskriminasi pekerjaan dan persamaan pendapatan juga menjadi isu perbincangan. Keadaan yang bertambah baik di bidang pekerjaan telah menarik lebih ramai wanita yang sudah berkahwin keluar bekerja. Jadi Pergerakan Pembebasan Wanita juga adalah faktor 'menarik'.

Wanita yang mudah berumahtangga dan ingin bekerja terpaksa mencari cara bagaimana mengatasi persoalan pengurusan hal rumah tangga. Wanita yang mempunyai anak mempunyai masalah yang lebih besar. Bagaimanapun dengan tertubuhnya perkhidmatan-perkhidmatan menjaga kanak-kanak masalah ibu-ibu bekerja telah dapat diselesaikan. Perkhidmatan seumpama ini adalah sangat berguna kepada ibu-ibu yang anaknya belum bersekolah. Perkhidmatan seumpama ini adalah satu lagi faktor dalam orientasi 'menarik'.

Faktor yang telah dibincangkan di atas mungkin berat sebelah kerana ia hanya melihat keadaan pasaran sahaja. Terdapat banyak faktor lain seperti bagaimana kaum wanita akan bertindak terhadap permintaan-permintaan yang ujud. Tidak semua wanita yang ingin bekerja. Misalnya seorang ibu yang terpaksa menjaga anak-anak dan pekerjaan yang beliau mempunyai sekarang tidak membayar gaji yang baik. Kalau diberi pilihan untuk bekerja dan berhenti tentu beliau akan pilih pilihan kedua. Jadi faktor-faktor ini adalah lebih berbentuk 'unidimensional'. Bagaimanapun faktor-faktor ini merupakan yang paling mungkin berlaku.

Di pihak 'mendorong' pula terdapat juga beberapa faktor. Mengikut U.S. Bureau (1975:23) faktor-faktor yang mungkin menjadi pendorong ialah pendidikan seorang isteri, pendapatan suami dan terdapatnya anak-anak di rumah. Faktor mempunyai anak atau tidak adalah amat penting. Bukan sahaja terdapatnya anak tetapi umur anak-anaknya adalah amat penting. Jika ibu-ibu yang bekerja mempunyai anak ini akan menjadi masalah kepada mereka. Tetapi jika anak-anaknya adalah sangat muda iaitu berumur kurang dari umur persekolahan ia menjadi satu masalah yang lebih berat. Apabila anak-anak mereka muda ramai ibu yang merasa diri mereka tidak patut bekerja dan patut berdampingan dengan anak mereka sepanjang masa. Jadi dengan ujudnya perkhidmatan penjagaan anak ramai ibu dapat mengatasi masalah penjagaan anak mereka. Perkhidmatan ini, selain dari menjadi faktor menarik, ia juga adalah faktor mendorong.

Pada zaman sekarang penekanan diberi kepada keluarga yang kecil. Keluarga yang kecil bermakna bilangan anak yang kecil secara tidak langsung menyebabkan pengurangan faktor penghalangan yang dihasilkan oleh anak-anak. Keluarga yang kecil juga menyebabkan isteri-isteri mempunyai lebih banyak masa yang lapang. Dengan masa lapang yang lebih banyak wanita-wanita ini akan didorong untuk keluar bekerja.

Zaman yang moden ini telah menghasilkan banyak ciptaan baru. Sekarang terdapat mesin-mesin seperti alat pencuci baju, 'vacuum cleaner' dan lain-lain lagi yang dapat menolong suri-suri

rumah tangga menjimat masa. Dengan lebih masa lapang suri-suri rumah tangga ini dapat menceburkan diri dalam aktiviti yang mereka minati dan dapat yang memilih untuk keluar bekerja.

Faktor-faktor yang dibincangkan tadi, seperti gelaran mereka adalah hanya merupakan pendorong dan penarik sahaja. Kita dapati kaum wanita tetap mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan keluarga mereka dan pengurusan keluarga. Suri-suri rumah tangga yang keluar bekerja hanya akan berbuat demikian selepas dapat menghabiskan atau dapat cara menguruskan aktiviti keluarga. Apabila kita mengatakan terdapatnya faktor-faktor yang mendorong atau faktor yang menarik suri rumah tangga keluar bekerja ini bermakna pekerjaan yang dilakukan oleh wanita bukanlah aktiviti yang sememangnya pekerjaan wanita.

Seperti dikatakan tadi salah satu pendorong untuk wanita keluar bekerja ialah pendapatan suaminya yang rendah. Masalah kewangan adalah satu pendorong yang paling penting untuk keluar bekerja. Isteri-isteri yang keluar bekerja dengan alasan ini tidak akan menerima apa-apa bantahan dari masyarakat malah mendapat persetujuan sosial dan masyarakat dapat menerima pekerja-pekerja wanita ini. Selain daripada alasan ini isteri-isteri yang keluar bekerja akan dicurigai oleh masyarakat. Satu cara yang baik bagaimana wanita yang sudah berkahwin tetapi masih bekerja dapat mengatasi masalah ini, ialah dengan kejayaannya menguruskan aspek domestiknya dengan baik.

2c. Kesimpulan dan Kaitan Teori-teori Dengan Kajian

Aspek 'domestic' dan aspek awam adalah amat penting dalam memahami status seorang wanita. Bagi seorang pekerja wanita yang sudah kahwin ia adalah lebih penting. Aspek 'domestic' adalah dianggap sebagai bidang yang semulajadi kepada kaum wanita. Untuk memperolehi status awam seorang suri rumahtangga mesti dapat menguruskan aspek 'domestic'nya dengan sempurna.

Wanita yang berjaya mendapat kuasa yang tinggi dalam aspek awam akan menerima status yang tinggi dan akan dihormati orang ramai. Bagaimanapun kuasa yang tinggi dalam bidang 'domestic' tidak akan membawa kewibawaan kepada kaum wanita. Wanita mungkin dihormati dalam arena 'domestic' tetapi pihak lelaki juga yang mempunyai suara terutamanya dalam aspek politik dan ekonomi dan wanita tetap di bawah suruhan kaum lelaki. Wanita biasanya dapat masuk ke dalam arena awam kerana atau sebagai pengganti kepada kaum lelaki. Begitu juga dalam pekerjaan, kaum wanita biasanya adalah merupakan pilihan kedua kerana kekurangan tenaga buruh, Pekerja-pekerja wanita yang sudah berkahwin pula merupakan pilihan kedua kepada kekurangan pekerja wanita yang muda dan belum kahwin.

Bagaimanapun berjayanya golongan wanita yang sudah berkahwin keluar bekerja adalah kerana terdapat beberapa faktor. Faktor-faktor seperti terdapatnya perkhidmatan penjagaan anak, alat mesin moden yang menyenangkan pengurusan rumahtangga, pendapatan yang lebih baik untuk kaum wanita dan sebagainya adalah

pengaruh kuat untuk kaum wanita keluar bekerja. Faktor-faktor yang telah dibincang adalah faktor-faktor yang membolehkan suri rumah tangga mengatasi peranan domestik mereka. Jika kaum wanita dapat memenuhi peranan 'domestic' mereka dengan baik maka masyarakat akan dapat sedikit sebanyak menerima pekerja-pekerja wanita yang sudah berkahwin. Jadi kita dapat memahami mengapa masyarakat tidak lagi beranggapan bahawa dunia akan terbalik jika wanita keluar bekerja seperti yang didapati dalam kajian Bott;

"All couples took it for granted that there should be a basic division of labour between husband and wife in which the husband was primarily responsible for supporting the family financially and the wife was primarily responsible for looking after the children and seeing that housework and cooking were done. The world would be upside down if the women went out to work and the husband stayed at home to care for the house and children"

(dipetik dari Fay, Fransella, Bott 1957:197. garisan ditambah)

Menurut teori Sanday, apa yang penting adalah situasi ekologi. Jika ekologi alam sekitar adalah sesuai maka ini akan memudahkan kaum wanita untuk memasuki ke arena subsisten. Misalnya cara pertanian setempat dan pertanian berpindah, jika cuaca atau iklim adalah bersesuaian untuk ia diadakan ini akan membolehkan kaum wanita untuk masuk ke arena subsisten. Teori yang di kemukakan oleh Iglehart pula adalah mengenai faktor luaran dan dalaman yang mendorong dan menarik kaum wanita yang sudah berkahwin untuk

keluar bekerja. Bagi Iglehart adanya faktor-faktor yang mendorong dan menarik maka keinginan untuk keluar bekerja pada wanita yang sudah berkahwin akan bertambah. Jadi dengan keadaan yang sesuai dan adanya faktor-faktor yang mendorong dan menarik kemungkinan wanita keluar bekerja akan menjadi lebih besar.

Maka kajian yang dijalankan oleh pengkaji akan berdasarkan kepada kedua-dua rangka teori ini. Akan dikaji sama ada sebab musabab responden-responden keluar bekerja ada persamaan dengan kedua rangka teori yang dikemukakan oleh Sanday dan Iglehart. Pengkaji juga cuba mencari faktor-faktor yang mendorong dan yang menarik suri-suri rumah tangga keluar bekerja. Selain itu juga dilihat mengapa responden masuk ke arena subsisten (mengikut Sanday). Dengan lain perkataan kajian ini adalah berdasarkan kedua rangka teori Sanday dan Iglehart iaitu gabungan teori status wanita dalam domain awam Sanday dan teori pendorong dan penarik yang dikemukakan oleh Iglehart.

Iadangnya dan kisah ini terlibat di kawasan kajian ini dijalankan.

Kilang Iadang teh ini tidak besar. Ia hanyalah sebuah bangunan yang bertingkat dua. Tingkat atas adalah tempat dimana daun teh dilayukan dan dikeringkan. Tingkat bawah pula ialah tempat dimana mesin-mesin mespresso teh dilestanakan. Teh yang telah diproses juga dibungkuskan di tingkat bawah. Di kawasan ini juga terdapat sebuah pejabat kecil untuk pengurusan Iadang teh ini.

Selain dari bangunan kilang ini masih-masing jenis waras juga disediakan untuk petani-pekerja di kawasan berhampiran dengan

BAB III


LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN DAN PROSES MENGHASIL TEH

3a. Ladang Teh East - Satu Deskripsi Fizikal

Ladang teh East terletak di tepi jalan utama ke Cameron Highlands lebih kurang 6 batu dari bandar Tanah Rata. Keadaan permukaan ladang teh East ini seperti ladang-ladang teh lain di Cameron Highlands adalah berbukit bukau. Bagaimana pun ladang teh ini, jika dibandingkan dengan ladang teh lain, adalah jauh lebih kecil iaitu luasnya hanya 300 ekar. Walaupun begitu Syarikat Ladang Teh East mempunyai 2 buah ladang teh di dua kawasan yang berlainan. Luasnya kedua buah ladang teh ialah 1000 ekar dan 200 ekar. Tetapi Syarikat Ladang Teh East bagaimanapun hanya mempunyai sebuah kilang untuk memproses daun teh dari kedua-dua kawasan ladangnya dan kilang ini terletak di tempat kajian ini dijalankan.

Kilang ladang teh East tidak besar. Ia hanyalah sebuah bangunan yang bertingkat dua. Tingkat atas adalah tempat dimana daun teh dilayukan dan dikeringkan. Tingkat bawah pula ialah tempat dimana mesin-mesin memproses teh diletakkan. Teh yang telah diproses juga dibungkuskan di tingkat bawah. Di bangunan ini juga terletak sebuah pejabat kecil untuk pengurus ladang teh ini.

Selain dari bangunan kilang ini rumah-rumah jenis teres juga disediakan untuk pekerja-pekerja di kawasan berhampiran dengan



Walewau: Rumah pekerja-pekerja yang disediakan oleh majikan.



di sini Kuil Hindu yang didirikan di ladang teh

Kari Kuan dan kerj kelepasan.

kilang. Rumah-rumah pekerja ini adalah dikhaskan untuk pekerja-pekerja dengan percuma. Terdapat lebih kurang 20 puluh buah rumah tetapi tidak semua rumah ini didiami oleh pekerja ladang teh East. Rumah-rumah ini hanya mempunyai sebuah bilik tidur, sebuah dapur sebuah bilik tamu dan sebuah bilik mandi. Oleh itu bentuk tiap-tiap rumah tidak seragam kerana pekerja-pekerja biasa mengubah suai rumah untuk kemudahan sendiri. Bagi keluarga yang lebih besar, pekerja-pekerja biasa menambah satu atau dua buah bilik tidur tambahan atau membesarakan bilik tamu. Oleh kerana tidak ada tandas di dalam rumah maka 6 buah tandas awam dibina untuk kegunaan pekerja-pekerja. Walaupun rumah-rumah ini disediakan untuk semua pekerja ladang teh East hanya pekerja-pekerja India yang mendiami di rumah-rumah ini. Pekerja-pekerja lain, iaitu pekerja orang Asli memilih untuk tinggal di kampung mereka sendiri yang terletak lebih kurang satu batu jauhnya daripada kilang ladang ini.

Sebuah kuil Hindu didirikan berdekatan dengan rumah-rumah pekerja. Kuil ini akan memudahkan amalan-amalan ibadat dilakukan oleh pekerja-pekerja berugama Hindu. Terdapat juga sebuah kedai runcit kecil di mana bahan-bahan kering seperti rempah, beras, gula dan sebagainya dijual. Ini akan menyenangkan pekerja-pekerja kerana kedai yang terdekat adalah terletak lebih kurang dua hingga tiga batu jauhnya dari ladang teh ini. Untuk kemudahan-kemudahan rekreasi pekerja, terdapat sebuah padang bola di mana permainan bola sepak diadakan selepas kerja atau pada hari Ahad dan hari kelepasan.

Jadi selain daripada bukit-bukau yang tingginya antara 1000 kaki ke 1400 kaki dan penuh ditanam dengan pokok-pokok teh, tidak terdapat apa-apa yang istimewa di ladang teh East.

3b. Penanaman dan Proses Menghasil Teh

Cameron Highlands boleh dikatakan terkenal juga dengan hasil tehnya. Ladang teh East juga mempunyai sejarah yang lama dalam penghasilan teh. Ia telah melalui pertukaran hak milik sebanyak 3 kali yang berlainan sejak akhir tahun lima puluhan lagi. Pemilik sekarang iaitu Syarikat Ladang Teh East telah mengambil alih dari pemilik terakhir pada tahun 1963.

Oleh kerana semasa kajian dijalankan Syarikat Ladang Teh East ini adalah dimiliki oleh yang pemilik ketiga maka syarikat ini tidak perlu membersihkan hutan untuk menanam pokok-pokok teh malah ladang sedia ditanam dengan pokok teh. Pada amnya pokok-pokok teh tidak perlu banyak penjagaan rumit. Pokok-pokok teh hanya perlu di 'prune' selalu supaya adalah lebih kurang empat kaki. Daun-daun teh dipetik tiap-tiap tujuh atau lapan hari. Ini adalah di sebabkan daun-daun teh memerlukan antara tujuh atau lapan hari untuk tumbuh kembali. Hanya pucuk-pucuk yang muda dipetik untuk dijadikan teh. Pemetikan daun teh biasanya dijalankan oleh pekerja-pekerja wanita. Ladang teh East juga tidak berbeza dengan ladang teh yang lain dan di antara 55 orang pemetik daun teh, 42 adalah pekerja wanita. Selepas dipetik daun teh ini akan ditimbang. Pekerja-pekerja



Bintik-bintik putih dalam bulatan, adalah pemetik daun teh semasa memetik daun teh di lereng bukit.



Salah satu seseorang yang sedang memetik daun teh.

adalah dibayar mengikut banyaknya atau beratnya daun teh yang dipetik. Biasanya seorang pekerja dapat memetik antara 40 kilogram hingga 45 kilogram sehari.

Selepas ditimbang daun-daun teh akan dihantar ke kilang. Di kilang dilakukan proses melayu daun teh, menggulung, menapis daun hijau, peragian memanggang, menyusun dan akhirnya membungkus. Untuk melayukan daun teh daun-daun teh ditiup dengan angin dari kipas yang kuat. Daun akan diliyukan ke lebih kurang 50% dari kandungan kelembapan yang asal. Selepas daun teh dapat menjadi gembur maka ia akan melalui proses penggulung. Untuk proses menggulung terdapat dua mesin, iaitu mesin penggulung dan rotorvane. Kedua-dua mesin ini akan memusing dan mematahkan daun teh untuk memulas dan memecahkan sel-sel didalamnya. Dengan cara ini jus dari daun teh dilepaskan untuk peragian.

Menapis daun hijau ialah proses dimana daun yang telah digulung akan ditapis untuk mengasingkan daun yang halus dengan daun yang lebih kasar. Daun yang halus akan menjalani proses peragian dan daun yang besar akan digulung sekali lagi. Peragian sebenarnya ialah proses mengoksidaisasikan 'enzyme' daun. Proses ini adalah satu proses yang sangat penting dalam proses penghasilan teh. Peringkat ini ialah dimana rasa dan wangi tersendiri teh hitam itu terbentuk. Untuk mendapat kesan yang optima tempuh peragian perlu dikawal dengan rapi. Setelah itu daun teh yang telah diperam akan dimasukkan dalam mesin pengering yang akan



(1)



(2)

(1) & (2) Daun teh dalam proses menimbang selepas dipetik.

melepaskan kelembapan, menkristalaiskan jus dan mengubahkan daun ke warna hitam yang dikenali ramai. Sebelum teh dibungkuskan ia perlu dikelaskan kepada gred-gred yang tertentu. Daun teh yang telah digred akan di simpan dalam tong-tong supaya menjadi matang. Di ladang teh East teh biasanya disimpan dalam kotak papan lapis yang besar untuk pasaran runcit. Ladang teh East juga ada memasarkan teh dalam bungkusan yang lebih kecil dan ia dibungkuskan dalam bekas-bekas 'tupperware'. Ladang teh East dapat menghasilkan lebih kurang 3000 kilogram teh yang telah diproses dalam sehari.

Ladang teh ini mempunyai 250 orang pekerja. Seperti dikatakan tadi terdapat seramai 55 orang pemetik daun teh. Di kilang teh pula terdapat hanya 17 orang pekerja. Sembilan orang daripada mereka adalah pekerja wanita. Dengan itu jelaslah bahawa sebahagian besar pekerja ladang teh East adalah pekerja wanita. Pemetik daun teh wanita adalah satu fenomena yang biasa dalam ladang teh. Bagaimanapun pada masa kini ramai wanita juga yang bekerja di kilang ladang teh. Pekerja-pekerja wanita ini tidak sahaja melakukan kerja-kerja ringan malah mereka menjalankan kerja-kerja seperti yang dilakukan oleh kaum lelaki. Jadi kelihatan dalam bidang ini peranan yang dimainkan oleh kaum wanita adalah sangat penting. Tambahan dengan kekurangan tenaga kerja terutamanya tenaga kerja dari kaum lelaki, pekerja-pekerja wanita menjadi lebih penting dalam permintaan tenaga kerja dalam bidang perusahaan perladangan teh.

meraka. Oleh itu tidaknya BAB IV dalam di antara 18 responden

yang ditemu duga hanya sebahagian yang berasal dari India.

HURAIAN DATA-DATA

Mereka kedua-dua juga merupakan pekerja wanita yang tertua. Kedua

responden Temuduga dengan menggunakan borang soal selidik telah diadakan oleh pengkaji dengan responden. Tujuan mengadakan temuduga ini ialah supaya satu gambaran yang lebih jelas tentang responden boleh diperolehi. Kesemua pekerja-pekerja wanita yang sudah berkahwin di ladang teh East diambil sebagai responden untuk kajian ini. Terdapat sejumlah 18 pekerja kesemuanya. Daripada 18 responden ini, sepuluh orang adalah pekerja kilang dan lapan orang adalah pemetik daun teh. Pekerja kilang adalah bertugas dalam segala proses seperti mengering, memanggang dan sebagainya yang dijalankan di kilang. Pemetik daun teh pula hanya bertanggung-jawab untuk memetik daun teh dari pokok teh yang tumbuh di lereng bukit. Aspek-aspek seperti ekonomi, aspek sosial dan biodata mengenai responden dititikberatkan dalam soal selidik ini. Pengkaji menggunakan bahasa Malaysia untuk berkomunikasi dengan responden yang kesemuanya adalah berbangsa India. Oleh kerana itu masalah bahasa sering dihadapi oleh pengkaji. Kadangkala pengkaji menggunakan informan-informan untuk menolongnya.

4a. Asal-usul Responden

Antara tahun 1969 dan 1970 ramai pekerja-pekerja India ladang teh di Cameron Highlands telah kembali ke tanah air

mereka. Oleh itu tidaklah hairan bahawa di antara 18 responden yang ditemuduga hanya dua responden yang berasal dari India. Mereka kedua uni juga merupakan pekerja wanita yang tertua. Kedua responden ini adalah di antara sebilangan kecil pekerja India yang mendapat kewarganegaraan Malaysia. Pekerja-pekerja wanita yang lain itu kesemuanya adalah penduduk asal Malaysia. Kebanyakan mereka ini adalah berasal dari negeri: Perak, Sitiawan, Taiping, Ipoh dan Tanjung Malim adalah tempat asal ramai pekerja. Terdapat juga beberapa responden yang berasal dari Cameron Highlands, Kuala Lumpur dan Kuantan.

Walaupun kesemua responden adalah sudah berkahwin tetapi dari segi umur responden-responden adalah masih muda juga. Di kalangan pekerja-pekerja pemotik daun teh ramai berada dalam lingkungan 18 tahun hingga 27 tahun (rujuk Jadual 4.1). Pemotik daun teh yang tertua adalah berumur 45 tahun dan 50 tahun. Mereka juga merupakan pekerja wanita yang tertua di ladang teh East. Pekerja kilang juga ramai di antaranya adalah dalam lingkungan umur 23 tahun hingga 27 tahun. Bagaimanapun pekerja kilang yang tertua adalah dalam lingkungan 38 tahun hingga 42 tahun. Dalam jenama perusahaan Teh Cina Selatan, 20 tahun dan 24 tahun, terdapat pekerja wanita seseorang, sibuk mengilangkan teh di Ladang Teh. Boleh juga tiba-tiba dilainkan, walaupun juga dibentuk sebuah rumah untuk tinggal.

Jadual 4.1 Lingkungan umur responden-responden

Peringkat umur - tahun	Bilangan pemetik daun teh (%)	Bilangan Pekerja kilang (%)
18 - 22	2 (25)	2 (70%)
23 - 27	3 (37.5)	5 (50)
28 - 32	2 (20)	1 (10)
33 - 37	1 (12.5)	2 (20)
38 - 42	2 (25)	2 (20)
43 - 47		
48 - 52	2 (25)	
Jumlah	8 (100)	10 (100)

Oleh kerana responden-responden adalah dalam lingkungan umur awal dua puluhan maka responden-responden agak baru berkahwin atau mendirikan rumah tangga untuk satu masa yang tidak lama. Ramai di antara responden-responden telah berkahwin selama satu tahun hingga kesepuluh tahun. Bagaimanapun terdapat seorang dua responden yang telah berkahwin untuk lebih dari duapuluhan tahun. Dua orang daripada pekerja kilang telah berkahwin untuk tigapuluhan tahun dan tigapuluhan empat tahun. Di antara pemetik daun teh juga terdapat dua orang pekerja yang telah berkahwin selama 20 tahun dan 24 tahun. Walaupun pekerja wanita sudah berkahwin, pihak majikan tidak bekerja di ladang teh East juga tidak dilainkan, mereka juga diberi sebuah rumah untuk tinggal.

Memang terdapat seorang dua pekerja yang suaminya tidak bekerja di ladang teh ini. Terdapat tiga orang pekerja kilang dan dua orang pemetik daun teh yang suami mereka tidak bekerja di ladang teh East. Sebanyak 75% suami pemetik daun teh dan 70% suami pekerja kilang adalah pekerja di ladang teh East (rujuk Jadual 4.2.1). Terdapat seorang pekerja kilang yang suaminya telah meninggal dunia. Ramai suami responden yang bekerja di ladang teh East bekerja sebagai pemandu lori. Terdapat juga seorang dua yang bekerja sebagai pekerja di kilang teh atau sebagai pemetik daun teh. Mereka yang tidak bekerja di ladang East, terdapat yang bekerja sebagai pemandu teksi, pelayan di hotel atau buruh pembinaan (rujuk Jadual 4.2.2).

4b. Biodata Mengenai Responden

Tingkat pelajaran responden-responden adalah rendah. Seramai 50% pekerja pemetik daun teh dan 40% pekerja kilang adalah tidak mempunyai pendidikan (rujuk Jadual 4.3.1). Bagaimanapun terdapat seorang pemetik daun teh adalah mempunyai pendidikan pula aliran Inggeris peringkat menengah bawahan. Seorang pekerja kilang pula mempunyai pendidikan aliran Inggeris peringkat sekolah rendah. Walaubagaimanapun kebanyakan responden adalah berpendidikan aliran Tamil ke peringkat sekolah rendah sahaja (rujuk Jadual 4.3.2)

Jadual 4.2.1 Bilangan responden yang mempunyai suami sebagai rakan sekerta

Golongan pekerja	Bilangan responden yang suaminya bekerja di LTE (%)	Bilangan responden yang suaminya tidak bekerja di LTE (%)	Bilangan responden yang suaminya telah meninggal dunia (%)	Jumlah (%)
Pemetik daun teh	6 (75)	2 (25)	1 (10)	8 (100)
Pekerja kilang	6 (60)	3 (30)	1 (10)	10 (100)

LTE* - Ladang Teh East

Jadual 4.2.2 Jenis pekerjaan suami responden

Golongan pekerja	Jenis pekerjaan suami responden			
	Yang bekerja di LTE*	Bil (%)	Yang tidak bekerja di LTE	Bil (%)
Suami responden pemetik daun teh	Pemandu lori	2 (25)	Buruh pembinaan	1 (12.5)
	Penolong pemandu	1 (12.5)	Pelayan di hotel	1 (12.5)
	Pekerja kilang teh	1 (12.5)		
	Pemetik daun teh	1 (12.5)		
	Mandur pemetik daun teh	1 (12.5)		
Jumlah		6 (75)		2 (25)
Suami responden pekerja kilang	Pekerja kilang teh	4 (40)	Pemandu teksi	1 (10)
	Pemetik daun teh	2 (20)	Buruh pembinaan	1 (10)
	Penolong pemandu lori	1 (10)	Suami yang telah meninggal dunia	1 (10)
Jumlah		7 (70)		3 (30)

LTE* - Ladang Teh East

Jadual 4.3.1 Bilangan pekerja yang mempunyai pendidikan

Golongan pekerja	Mempunyai pendidikan (%)	Tidak mempunyai pendidikan (%)	Jumlah (%)
Pemetik daun teh	4 (50)	4 (50)	8 (100)
Pekerja kilang	6 (60)	4 (40)	10 (100)

Responden-responden mempunyai sebab yang lebih kurang sama mengapa mereka tidak melanjutkan pelajaran mereka. Ramai di antara responden datang daripada keluarga yang miskin. Oleh kerana masalah kewangan ramai di antara responden tidak berpeluang untuk mendapat pelajaran langsung. Setengah daripada responden oleh kerana masalah kewangan juga terpaksa berhenti sekolah. Responden-responden juga sering mengatakan bahawa mereka tidak sedar tentang kepentingan pendidikan pada masa itu. Oleh kerana itu ramai di antara mereka tidak peduli jika tidak dapat pendidikan ataupun dengan sendiri ingin berhenti sekolah. Ada pula yang dihentikan dari sekolah kerana ibubapa mereka inginkan mereka bekerja. Bagi kedua responden yang berasal dari India mereka memang tidak dapat pelajaran semasa di India. Apabila sampai ke Malaysia mereka lebih bimbang tentang pekerjaan daripada pendidikan. Terdapat seorang responden pemetik daun teh yang cacat, beliau adalah bisu, oleh itu tidak dapat apa-apa pendidikan (rujuk Jadual 4.4).

Jadual 4.3.2 Peringkat dan aliran Pelajaran responden

Golongan Pekerja	Aliran Tamil			Aliran Inggeris			Jumlah
	Sekolah Rendah Bil (%)	Menengah Bawahan Bil (%)	Menengah Atasan Bil (%)	Sekolah Rendah Bil (%)	Menengah Bawahan Bil (%)	Menengah Atasan Bil (%)	
Pemetik daun teh	3 (37.5)				1 (12.5)		4 (50)
Pekerja Kilang	5 (50)			1 (10)		10 (100)	6 (60)

Jadual 4.4 Sebab-sebab responden tidak belajar atau berhenti sekolah

Sebab-sebab	Pemetik daun teh (%)	Pekerja kilang (%)
Masalah kewangan	4 (50)	7 (70)
Tidak suka belajar	3 (30)	
Terpaksa bekerja	1 (12.5)	
Cacat	1 (12.5)	
Datang dari India	2 (25)	
<u>Jumlah</u>	8 (100)	10 (100)

Dari pada pekerja-pekerja kilang yang ditemuduga 60% daripada mereka pernah bekerja sebelum berkahwin. Walau bagaimanapun kebanyakan responden mempunyai anak. Walau bagaimanapun bukan semua anak responden-responden tinggal bersama mereka di ladang teh ini. Pengkaji berpendapat bahawa maklumat mengenai bilangan anak yang tinggal bersama responden adalah lebih penting maka faktor ini diberi tekanan. Bilangan anak yang tinggal bersama responden berbeza daripada seorang anak hingga ke lapan orang anak. Di antara responden pemetik daun teh terdapat tiga responden yang tidak mempunyai anak yang tinggal dengan mereka. Ini adalah kerana seorang daripada ketiga responden ini telah berkahwin untuk tiga puluh empat tahun dan anak-anaknya semua sudah dewasa. Oleh itu mereka tidak bekerja sebelum ini. Satu orang dari pada mereka seorang bekerja kerana suami mereka bekerja di ladang ini selain responden yang belum melahirkan anak lagi.

Umur adalah penting juga untuk menentukan sama ada anak responden tinggal dengan ibu mereka atau tidak. Pekerja-pekerja kilang mempunyai anak dalam lingkungan umur satu tahun hingga ke duapuluh satu tahun. Bagaimanapun ramai di antara anak mereka berada dalam lingkungan satu tahun hingga ke sembilan tahun (rujuk Jadual 4.5). Bagi pekerja pemetik daun teh pula kebanyakan anak mereka adalah dalam lingkungan umur satu tahun hingga tiga tahun.

4c. Aspek Ekonomi

Daripada pekerja-pekerja kilang yang ditemuduga 60% daripada mereka pernah bekerja sebelum berkahwin. Walau bagaimanapun tidak kesemua mereka pernah bekerja di ladang teh. Kebanyakan mereka bagaimanapun pernah bekerja di kilang: kilang kopi, kelapa sawit dan sebagainya. Terdapat seorang pekerja kilang yang pernah bekerja di kedai kerinting rambut (rujuk Jadual 4.6). Hanya seorang pekerja kilang yang pernah bekerja di ladang teh sebelum bekerja di ladang teh East. Bagaimanapun daripada lapan orang pemetik daun teh yang ditemuduga tiga orang tidak pernah bekerja langsung sebelum ini. Empat orang daripada mereka pernah bekerja di ladang teh dan seorang lagi pernah bekerja di kilang kopi. Biasanya mereka yang tidak bekerja sebelum berkahwin bekerja sekarang kerana suami mereka bekerja di ladang ini selain daripada membantu dalam meringankan perbelanjaan keluarga.

Jadual 4.5 Lingkungan umur anak-anak responden

Lingkungan umur anak-anak responden	Bilangan anak pemetik daun teh	Bilangan anak pekerja kilang
1 - 3	5	5
4 - 6	3	6
7 - 9	1	6
10 - 12	2	3
13 - 15	2	3
16 - 18		2
19 - 21		1
Jumlah	13	27

Jadual 4.6 Pekerjaan responden-responden sebelum berkahwin

Jenis pekerjaan sebelum berkahwin	Pemetik daun teh (%)	Pekerja kilang (%)
1) Bekerja dikilang: kopi, kelapa sawit dan sebagainya	1 (12.5)	4 (40)
2) Bekerja di ladang teh	4 (50)	1 (10)
3) Bekerja di kedai kerinting rambut		1 (10)
4) Tidak bekerja	3 (37.5)	4 (40)
Jumlah	8	10

Boleh dikatakan 100% responden-responden yang ditemuduga memberi jawapan bahawa tujuan mereka keluar bekerja adalah kerana masalah kewangan di rumah. Bagaimanapun terdapat seorang pekerja kilang yang mengatakan bahawa beliau bekerja kerana mencari nafkah hidup dan menyara hidup anak-anaknya. Situasi responden ini adalah berbeza dengan responden-responden yang lain kerana beliau adalah seorang balu. Oleh kerana itu tujuannya adalah berbeza sedikit. Bila ditemuduga dengan borang soal selidik masalah kewangan adalah sebab yang tunggal dan utama mengapa responden keluar bekerja. Gaji seorang pekerja kilang dan seorang pemetik daun teh adalah lebih kurang sama, kedua golongan responden ini mempunyai gaji lebih kurang \$100.00 hingga \$250.00 sebulan. Pemetik daun teh dibayar mengikut kutipan teh hariannya. Satu kilogram teh yang dipungut adalah dibayar 22 sen. Seorang pekerja pemetik daun teh yang dipungut adalah dibayar 22 sen. Seorang pekerja pemetik daun teh biasanya menerima \$100.00 hingga ke \$150.00 sebulan. Pekerja kilang juga dibayar mengikut hari-harian, sehari bayarannya adalah \$7.50. Oleh itu gaji seorang pekerja kilang adalah lebih sedikit berbanding dengan pemetik daun teh iaitu lebih kurang \$200.00.

Pekerja-pekerja ladang teh East tidak perlu membayar sewa rumah dan bekalan air. Bagaimanapun mereka terpaksa membayar bayaran bekalan letrik. Hanya responden yang suaminya bekerja sebagai pemandu lori di ladang ini tidak perlu membayar bayaran bekalan letrik. Bersama dengan perbelanjaan lain, sebulan

perbelanjaan responden-responden adalah di antara \$50.00 hingga \$300.00 (rujuk Jadual 4.7.1, 4.7.2, 4.7.3). Bagi mereka yang mempunyai ramai anak atau besar keluarganya perbelanjaan bulanan adalah di antara \$400.00 hingga \$450.00. Jika dicampurkan gaji suami responden, pendapatan kedua suami isteri adalah tidak melebihi \$500.00. Seperti yang dimaklumkan tadi kebanyakannya suami responden bekerja di ladang yang sama jadi pendapatan mereka juga dalam lingkungan di antara \$150.00 hingga \$250.00. Bagaimanapun terdapat seorang dua di mana suaminya bekerja sebagai pemandu lori ataupun yang tidak bekerja di ladang ini mendapat pendapatan lebih.

Jadual 4.7.1 Pendapatan bulanan responden-responden

Gaji sebulan \$	Pemetik daun teh (%)	Pekerja kilang (%)
100 - 120	3 (37.5)	1 (10)
130 - 140		
150 - 160	5 (75)	5 (50)
170 - 180		
190 - 200		4 (40)
Jumlah	8 (100)	10 (100)
Jumlah	8 (100)	10 (100)

Jadual 4.7.2 Pendapatan bulanan suami responden-responde

Gaji bulanan	Suami responden pemetik daun teh (%)	Suami responden pekerja kilang (%)
150 - 200	5 (62.5)	5 (50)
250 - 300		3 (30)
350 - 400		1 (10)
450 - 500	2 (25)	
550 - 600		
650 - 700	1 (12.5)	
Jumlah	8 (100)	9 (100)

Seorang responden pekerja kilang suaminya telah meninggal dunia.

Jadual 4.7.3 Perbelanjaan bulanan responden-responde

Jumlah Perbelanjaan \$	Pemetik daun teh (%)	Pekerja kilang (%)
50 - 100	1 (12.5)	3 (30)
150 - 200	3 (36.5)	3 (30)
250 - 300	3 (36.5)	1 (10)
450 - 500		2 (20)
Jumlah	8 (100)	10 (100)

Oleh itu memang terdapat kesahan pada apa yang dikatakan oleh responden-responden. Bagaimanapun selain daripada masalah kewangan terdapat satu dua sebab lain mengapa responden keluar bekerja. Ini pengkaji dapat tahu melalui perbualan secara tidak formal dengan responden-responden. Sebab-sebab lain adalah; seorang responden mengatakan bahawa beliau bekerja adalah kerana mengganti tempat ibu yang sudah tua yang dahulunya adalah pekerja ladang ini. Terdapat juga responden yang mencebur diri dalam pekerjaan gaji rendah. Selain itu kerana rumah pekerja kekurangan tanah untuk berpindah ke ladang atau ke bidang pekerjaan yang lain. Pengkaji menggunakan responden tetapi mereka tidak berdaya untuk berpindah ke ladang atau bidang pekerjaan yang lain. Responden menggunakan responden tetapi responden memang mempunyai keinginan untuk berpindah ke ladang atau bidang pekerjaan lain. Responden yang tua dan mempunyai pengalaman berpendapat mereka patut terus bekerja lagipun anak-anak mereka sudah dewasa. Bagi seorang responden lain beliau merasa ia perlu bekerja kerana anak perempuannya sudah berkahwin. Sedikit sebanyak ia perlu menyara dari pada unsur keselesaan yang diperolehi daripada pekerjaan. Soal diri sendirinya.. Jadi kita dapati walaupun responden-responden mempunyai sebab-sebab lain yang tertentu, sebab-sebab ini sedikit tidak berdaya untuk menywa sebuah rumah. Jikalau mereka hendak sebanyak adalah berkaitan dengan masalah wang juga.

Terdapat beberapa sebab mengapa responden datang bekerja di ladang ini. Bagi kedua responden yang berasal dari India mereka memang sudah bekerja di ladang ini sejak mereka datang ke Malaysia. Ramai juga responden yang datang bekerja di ladang ini kerana saudara mara berada di ladang ini dan responden-responden ini biasanya diperkenalkan ke ladang ini oleh mereka. Terdapat juga

responden yang datang bekerja di sini kerana keadaan di ladang ini lebih baik berbanding dengan tempat yang mereka bekerja dahulu. Ramai responden mempunyai cadangan untuk bekerja di ladang ini sehingga mereka tua ataupun sehingga anak mereka dapat menyara hidup mereka.

Selain daripada kerana ramai pekerja kembali ke tanah air mereka, sebab lain ujudnya kekurangan tenaga buruh ialah kerana pekerjaan gaji rendah. Memangpun terdapat ketidakpuasan hati di kalangan responden tetapi mereka tidak 'terdaya' untuk berpindah ke ladang atau ke bidang pekerjaan yang lain. Pengkaji menggunakan tidak 'terdaya' kerana responden-responden memang mempunyai keinginan untuk berpindah ke ladang atau bidang pekerjaan lain tetapi terdapat beberapa persoalan yang perlu ditimbangkan. Responden-responden lebih mementingkan keperluan-keperluan asas daripada unsur kepuasan yang diperolehi daripada pekerjaan. Soal yang utama ialah tempat tinggal. Dengan gaji yang rendah mereka tidak terdaya untuk menyewa sebuah rumah. Jikalau mereka hendak bertukar ke bidang pekerjaan lain pertama sekali mereka perlu mendapat tempat tinggal. Soal kedua ialah jika rumah disediakanpun mereka terpaksa menyesuaikan diri kepada satu kawasan dan situasi yang baru. Terutama sekali menyesuaikan diri kepada jiran dan rakan sekerja yang baru. Ini semua adalah cabaran-cabaran baru yang tidak ingin dihadapi oleh responden-responden dan keluarganya. Jadi pengkaji dapati walaupun responden-responden tidak puas hati dengan

gaji ataupun keadaan di ladang teh East mereka tidak melakukan apa-apa untuk pindah dari ladang ini.

4d. Aspek Sosial dan Rancangan Masa Depan

Untuk menjadi seorang isteri atau ibu yang bekerja tentu akan menghadapi masalah. Jadi bagi meringankan masalah ibu yang bekerja ini pihak majikan ladang teh East telah mempertugaskan seorang pekerja khas untuk menjaga anak-anak pekerja-pekerja yang mempunyai anak. Kesemua responden yang mempunyai anak menghantar anak mereka kepada pekerja khas ini kecuali mereka yang mempunyai ibu atau ibu mertua yang tinggal bersama mereka dan tidak bekerja. Bilangan responden yang tidak menghantarkan anak mereka kepada pekerja khas itu adalah kecil iaitu seorang dua sahaja.

Menjadi seorang isteri/ibu dan seorang pekerja pada masa yang sama memang bukan satu yang mudah dilakukan. Bagaimanapun pekerja-pekerja wanita ladang teh East cuba mengadakan cara-cara tertentu untuk mengatasi masalah ini. Oleh kerana kedua golongan pekerja, pemetik daun teh dan pekerja kilang dikhaskan waktu makan tengahari maka ini dapat menyenangkan pekerja-pekerja yang sudah berkahwin menguruskan hal rumah tangga. Ramai responden yang mengatakan bahawa mereka menggunakan masa ini untuk mengambil baju-baju yang telah dijemur awal pagi pada dari ampaian atau menyediakan makanan untuk anak-anak dan suami mereka. Walau bagaimanapun mereka biasanya memasak hidangan-hidangan untuk tengahari pada

malam sebelum itu, semasa menyediakan makan malam. Ini adalah cara yangbiasa bagi kebanyakan responden.

Berkenaan dengan membeli sayur-sayuran dan bahan-bahan makanan lain ramai responden membahagikan tugas ini dengan suami mereka. Biasanya responden pemetik daun teh akan memberikan tugas ini kepada suami mereka, yang mungkin bekerja sebagai pemandu lori ladang ini atau di tempat lain. Oleh kerana itu mereka (suami responden) dapat ke pekan untuk membeli sayur-sayuran atau membeli dari van sayur yang datang ke ladang ini pada lebih kurang jam 10.30 pagi hingga 11.00 pagi. Bagi responden yang bekerja di kilang mereka biasanya membeli sayur-sayur atau keperluan lain dari van sayur kerana van itu datang berhampiran kilang dan pengurus kilang juga membenarkan mereka membeli keperluan mereka dalam 10 atau 15 minit.

Boleh dikatakan bahawa komuniti ladang ini adalah satu komuniti yang tertutup juga. Responden-responden yang ditemuduga jarang sekali ke pekan atau melawat ke tempat lain. Jika mereka ke pekan ini adalah untuk urusan yang sangat penting seperti ke klinik atau sebagainya. Malah untuk hiburan pekerja-pekerja ladang ini menyediakannya sendiri. Biasanya segolongan mereka yang ingin menonton tayangan gambar Tamil atau Hindustan akan mengutip wang untuk menyewa sebuah perakam video dari pihak majikan dan mereka akan menonton bersama-sama di rumah salah seorang pekerja yang mempunyai telivisyen.

Responden-responden tidak melibatkan diri dalam apa-apa persatuanpun. Boleh dikatakan responden-responden adalah sangat rapat hubungan mereka antara satu sama lain, malah ramai di antara mereka adalah saudara mara. Jadi responden-responden atau pekerja-pekerja ladang ini adalah lebih mementingkan perhubungan antara saudara mara. Oleh itu responden-responden tidak menyertai dalam apa-apa persatuan lagi pun tidak terdapat apa jenis persatuan pun di ladang ini. Bukan begitu sahaja, ladang ini tidak mempunyai kesatuan sekerja. Oleh kerana itu walaupun keadaan pekerjaan tidak memuaskan pekerja-pekerja tidak mengambil sesuatu usaha untuk memperbaiki keadaan ini. Akibat daripada beberapa faktor yang di bincangkan pada awal tadi boleh dikatakan responden-responden yang ditemuduga tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk masa depan kecuali ingin memberikan pendidikan yang lebih tinggi kepada anak-anak mereka. Mereka juga tidak inginkan anak-anak mereka bekerja di ladang teh kalau boleh.

Boleh dikatakan secara tradisi kaum wanita diambil untuk bekerja sebagai penekuk daun teh. Dari pada perbuatan yang dilakukan oleh pengkaji dengan beberapa orang yang berpengalaman dalam ladang teh, narasi mengatakan tidak terdapat apa-apa sebab yang tertentu. Mereka mengatakan bahawa kaum wanita adalah lebih cepat dalam menekuk daun teh kalau dibanding dengan kaum lelaki. Bagaimanapun yang lebih penting adalah pengalihan seseorang itu.

Kerja-kerja di kilang adalah lebih berat. Jadi biasanya pekerja lelaki disebut untuk bekerja. Bagaimanapun pada masa

BAB V

PENGANALISAAN DATA-DATA

Ladang-ladang teh di Cameron Highlands pada hari ini tidaklah seperti pada masa dahulu. Pada masa dahulu kaum wanita hanya diambil untuk bekerja sebagai pemetik daun teh ataupun sebagai pembungkus teh di kilang teh. Ladang teh East, tempat kajian dijalankan, tidak berlainan dengan ladang teh yang lain di Cameron Highlands juga menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh. Oleh kerana itu bilangan pekerja wanita di ladang teh telah bertambah dengan ramainya. Pada masa sekarang pekerja wanita bukan sahaja ramai diambil untuk bekerja sebagai pemetik daun teh malah ramai yang bekerja di kilang teh.

5a. Sebab Mengapa Wanita Diambil Untuk Bekerja Di Ladang Teh

Boleh dikatakan secara tradisi kaum wanita diambil untuk bekerja sebagai pemetik daun teh. Dari pada perbualan yang diadakan oleh pengkaji dengan beberapa orang yang berpengalaman dalam ladang teh, mereka mengatakan tidak terdapat apa-apa sebab yang tertentu. Mereka mengatakan bahawa kaum wanita adalah lebih cepat dalam memetik daun teh kalau dibanding dengan kaum lelaki. Bagaimanapun yang lebih penting adalah pengalaman seseorang itu.

Kerja-kerja di kilang adalah lebih berat. Jadi biasanya pekerja lelaki diambil untuk bekerja. Bagaimanapun pada masa



Salah satu daripada pekerja pemetik daun teh lelaki yang bekerja bersama pekerja pemetik daun teh wanita. Wanita berada di sebelahnya lagi secara bersama-sama mereka kerja. Malah wanita mula melakukannya yang dilakukan oleh seorang lelaki. Bukan sahaja pada waktu pekerjaan malah di rumah pengagihan pekerjaan tanpa seimbang juga berlaku. Misalnya rintai responden katilah ini membentangkan setengah pengirisan rokok tangga kepada suami mereka seperti membela-balih untuk keperluan rumah; membeli sayur-sayuran, contohnya, di kilang teh atau pada waktu bekerja pihak wundu dan lelaki bekerja namun melakukan tugas di kilang atau diliaging teh, di rumah juga siuman selalu menolong isterinya untuk meringankan beban isterinya sebagai seorang isteri/ibu yang bekerja.

ladang teh. Walaupun kerja-kerja di kilang adalah berat sedikit untuk kaum wanita misalnya mengambil kotak-kotak kayu yang berat, mereka dapat menyesuaikan diri mereka juga. Menurut Sanday untuk berkekalan dalam arena subsisten keadaan mestilah sesuai untuk kaum wanita. Selain daripada mengangkut barang-barang dan kotak-kotak yang berat kaum wanita dapat juga menyesuaikan diri mereka pada kerja-kerja di kilang, melibatkan proses-proses memanggang, mengering daun teh dan sebagainya sahaja.

Terdapat pengagihan pekerjaan yang seimbang, maka jelaslah bahawa kaum wanita diterima sebagai pekerja di ladang teh dan dapat pengekalan. Menurut Sanday apabila kaum wanita dapat kedudukan dalam arena subsisten maka pengagihan pekerjaan yang seimbang akan berlaku. Di kilang teh terutamanya tugas seorang wanita tidak dibezakan dengan tugas seorang pekerja lelaki. Malah kaum wanita melakukan apa yang dilakukan oleh seorang lelaki. Bukan sahaja pada waktu pekerjaan malah di rumah pengagihan pekerjaan yang seimbang juga berlaku. Misalnya ramai responden kajian ini membahagikan setengah pengurusan rumah tangga kepada suami mereka seperti membeli-belah untuk keperluan rumah; membeli sayur-sayuran, contohnya. Di kilang teh atau pada waktu bekerja pihak wanita dan lelaki bekerjasama melakukan tugas di kilang atau diladang teh, di rumah juga sisuami selalu menolong isterinya untuk meringankan beban isterinya sebagai seorang isteri/ibu yang bekerja.

5b. Faktor Pendorong dan Penarik Wanita Yang Sudah Berkahwin Keluar Bekerja

Keadaan yang sesuai dan juga terdapatnya permintaan telah menyebabkan ramai pekerja wanita diambil untuk bekerja. Bagaimanapun hanya berdasarkan dua sebab ini adalah tidak mencukupi menyebabkan wanita yang sudah berkahwin keluar bekerja. Wanita yang sudah berkahwin dan mempunyai anak akan menghadapi banyak masalah apabila keluar bekerja. Jadi mesti ada faktor yang mendorong dan faktor menarik, seperti dibincangkan oleh Iglehart (rujuk Bab Dua).

Mengikut Iglehart pendidikan adalah satu pendorong untuk wanita keluar bekerja. Lebih tinggi pendidikan seorang wanita lebih tinggi keinginannya untuk bekerja. Jikalau begitu mengikut data-data responden (rujuk Jadual 4.3.1) mereka sepatutnya tidak keluar bekerja kerana ramai di antara mereka tidak mempunyai pendidikan. Tingkat pendidikan tidaklah begitu penting untuk responden kerana dalam pekerjaan mereka, mereka tidak perlu pendidikan yang tinggi malah tidak memerlukan apa jenis pendidikan pun. Memang benar kalau pendidikan seorang wanita adalah tinggi maka keinginan mereka untuk bekerja akan bertambah. Bagaimanapun bagi responden-responden kajian ini apa yang lebih penting ialah masalah kewangan yang dihadapi mereka.

Boleh dikatakan kedudukan kewangan keluarganya adalah penting mempengaruhi seorang suri rumahtangga untuk keluar bekerja.

Apabila mereka menghadapi masalah kewangan di rumah tentu sekali suri-suri rumahtangga akan terdorong untuk keluar bekerja. Jadi selain daripada pendidikan keadaan kewangan juga adalah penting (rujuk Jadual-Jadual 4.7.1, 4.7.2, 4.7.3). Bagi mereka yang suami telah meninggal dunia masalah kewangan juga pendorong yang penting. Dengan hilangnya "bread winner" di rumah sibalu terpaksa memainkan kedua peranan sebagai seorang ibu dan sebagai orang yang menyara hidup anak-anaknya.

Iglehart mengatakan dengan terdapatnya alat-alat dan mesin-mesin yang moden suri-suri rumahtangga mempunyai lebih banyak masa lapang. Kerana terdapatnya masa lapang ramai di antara mereka terdorong untuk keluar bekerja. Faktor ini boleh dikatakan tidak ujud di ladang teh ini. Bagaimanapun apa yang boleh dikatakan kesenangan berulang alik ke tempat kerja boleh menjadi satu pendorong kepada wanita yang sudah berkahwin. Pada masa rehat atau masa makan kedua golongan pekerja kilang dan pemelik daun teh boleh kembali ke rumah mereka. Walaupun untuk 30 minit hingga ke 45 minit sahaja kaum wanita boleh menguruskan satu dua urusan rumahtangga, seperti dibincangkan awal tadi, mengambil baju dari ampaian atau menyusu anak mereka. Ini menyenangkan atau membolehkan kaum wanita melakukan kedua peranan yang tertutup. Namai di antara responden adalah 'domestic' dan 'awam'.


Wanita yang sudah berkahwin dan mempunyai anak akan menghadapi satu masalah yang lebih besar jika mereka keluar bekerja.

Bilangan anak dan umur anak responden adalah penting menentukan sama ada mereka boleh keluar bekerja atau tidak. Jika responden mempunyai anak yang masih muda usianya mereka ini adalah satu masalah. Oleh kerana usia mereka masih muda ramai ibu tidak dapat keluar bekerja. Jadi cara yang paling baik ialah menghantar mereka ke sekolah asuhan atau terdapat seorang saudara mara untuk menjaga mereka apabila si ibu keluar bekerja. Di ladang teh East terdapat seorang pengasuh khas untuk menjaga anak-anak pekerja wanita. Ini adalah satu faktor penarik yang utama. Ramai juga responden mempunyai anak yang masih muda (rujuk Jadual 4.5) kerana adanya pengasuh khas ini pekerja wanita yang sudah berkahwin dapat bekerja.

Ujednya permintaan terhadap pekerja wanita juga adalah penting sebagai satu faktor penarik. Jika tidak ada permintaan untuk wanita sebagai pekerja, walaupun kaum wanita ingin bekerja mereka tidak akan dapat pekerjaan. Jadi kerana penawaran buruh lelaki adalah berkurangan lebih ramai pekerja wanita diambil. Menurut Iglehart faktor permintaan dan penawaran adalah penting sebagai faktor penarik.

Kita dapati bahawa komuniti di ladang teh ini adalah satu komuniti yang tertutup. Ramai di antara responden adalah saudara mara di antara satu sama lain. Disebabkan ini ramai di antara mereka didorong untuk bekerja di ladang ini oleh saudara mara dan kawan-kawan mereka. Jadi oleh kerana responden adalah

menentang hubungan antara Islam sekolah dan Siswa-Siswi, bekerja di tempat di mana tujuan sekolah masih mudah bagi batinik ikut memasuki mereka. Namun juga masih responden yang berbatik dengan peng-



bel ini. Adanya faktor-faktor yang mengelangi kaum wanita yang mudah berkeluwisan mencapai kedua-persamaan mereka. Yang penting dalam kuji: **Anak-anak responden yang berada di depan rumah asuhan.** meskipun jadi surunan ini. Boleh dikatakan bukan semu faktor yang dibincangkan oleh ahli-ahli teoria boleh diaplikasikan dalam kajian ini. Tetapi kelebihan juga apa yang dikatakan oleh mereka boleh juga diketahui dalam kajian ini.

mementingkan hubungan antara rakan sekerja dan jiran-jiran, bekerja di tempat di mana rakan sekerja adalah saudara mara tentu akan memuaskan mereka. Ramai juga suami responden yang berbual dengan pengkaji menyatakan risau tentang hubungan dan keselamatan isteri mereka dengan jiran dan rakan sekerja lain. Disebabkan mereka berada dalam komuniti di mana ramai di antara mereka adalah saudara mara tentu sekali mereka rasa terjamin bila isteri mereka keluar bekerja.

Yang penting apabila seorang wanita yang sudah berkahwin ialah sama ada beliau dapat mengatasi masalah menjadi seorang pekerja (aspek awam) dan menjadi seorang isteri/ibu (aspek 'domestic'). Boleh dikatakan responden-responden kajian ini boleh memainkan kedua peranan dengan sedikit masalah sahaja. Seperti dibincangkan diawal bab ini terdapat faktor-faktor yang menolong kaum wanita yang sudah berkahwin memainkan kedua peranan mereka. Yang penting dalam kajian ini adalah melihat bagaimana wanita yang sudah berkahwin memainkan kedua peranan ini. Boleh dikatakan bukan semua faktor yang dibincangkan oleh ahli-ahli teoris boleh diapplikasikan dalam kajian ini. Tetapi kelihatan juga apa yang dikatakan oleh mereka boleh juga dikesahkan dalam kajian ini.

Adalah suatu perincangan. Jadi salah satu daripada tujuan kajian ini ialah mengenai mengapa kaum wanita yang sudah berkahwin tetap bekerja bekerja. Berdasarkan teori yang digunakan oleh Sanday dan Iglesias pengkaji dapat mengaitkan sebab mengapa wanita yang

BAB VI

KESIMPULAN

Perbincangan tentang kedudukan kaum wanita, antara mereka yang setuju dengan mereka yang tidak setuju wanita keluar bekerja masih kuat diadakan. Walau bagaimanapun kaum wanita boleh dikatakan telah memperolehi penerimaan sosial untuk keluar bekerja. Kajian ini telah dijalankan di sebuah ladang teh di Cameron Highlands. Ladang-ladang teh di Cameron Highlands telah mempunyai sedikit perubahan dalam pengambilan pekerja-pekerjanya. Pada masa dahulu pekerja wanita yang diambil untuk bekerja hanyalah untuk bekerja sebagai pemetik daun teh. Bagaimanapun pada hari ini wanita juga ramai diambil untuk bekerja di kilang teh. Daripada kajian luar yang dijalankan oleh pengkaji, beliau mendapati bahawa ini adalah diakibatkan oleh pengkaji, beliau mendapati bahawa ini adalah diakibatkan oleh kekurangan tenaga buruh, terutamanya buruh lelaki. Seperti di dalam banyak aspek kaum wanita adalah pilihan kedua. Jadi disebabkan masalah mendapat tenaga buruh lelaki maka pihak majikan berpaling kepada penawaran pekerja-pekerja wanita.

Dalam kajian ini, didapati kebanyakkan pekerja wanita adalah sudah berumahtangga. Jadi salah satu daripada tujuan kajian ini ialah mengkaji mengapa kaum wanita yang sudah berkahwin tetap keluar bekerja. Berdasarkan teori yang digunakan oleh Sanday dan Iglehart pengkaji dapat mengaitkan sebab mengapa wanita yang sudah berkahwin berpaling kepada pemetik daun teh.

berkahwin keluar bekerja. Oleh kerana keadaan adalah bersetujuan maka didapati kaum wanita senang dapat masuk ke dalam bidang pekerjaan di ladang teh. Disebabkan ujudnya masalah kekurangan tenaga buruh lelaki terdapat permintaan terhadap pekerja wanita. Keadaan adalah juga sesuai untuk wanita yang sudah berkahwin bekerja di ladang teh. Misalnya di ladang teh East, tempat kajian dijalankan pekerja dikhaskan tempat tinggal yang terletak di ladang teh ini berhampiran dengan kilang dan ladang teh. Disebabkan tempat kediaman adalah berdekatan dengan tempat pekerjaan ini adalah amat menyenangkan wanita yang berumahtangga untuk bekerja.

Bagaimanapun selain daripada keadaan adalah menyesuaikan faktor paling utama ialah masalah kewangan. Ramai di antara responden yang ditemuduga berpendapat pendapatan suami adalah tidak mencukupi. Oleh itu mereka (si isteri) pun keluar bekerja untuk menyumbang kepada pendapatan bulanan keluarga. Pengkaji dapat perhatian bahawa keadaan adalah lebih memuaskan bila responden bekerja sebagai seorang pekerja kilang. Pendapatan pekerja kilang adalah baik sedikit berbanding dengan pemetik daun teh. Jadi sementara pemetik daun teh keluar bekerja untuk menyumbang kepada pendapatan untuk membiayai kehidupan asas, pekerja kilang dapat menolong suaminya membiayai kehidupan yang lebih tinggi sedikit tarafnya. Ramai responden yang bekerja sebagai pekerja kilang mempunyai sebuah talivisyen atau radio. Jadi responden-responden pekerja kilang keluar bekerja supaya dapat menikmati hidup yang lebih mewah daripada pemetik daun teh.

Selain daripada itu terdapatnya seorang pengasuh khas untuk menjaga anak responden telah banyak menolong mereka yang berkahwin untuk keluar bekerja. Masalah yang paling besar bagi wanita yang sudah berkahwin ialah anak yang berusia di peringkat pra-sekolah. Kanak-kanak yang muda dan belum bersekolah memerlukan lebih penjagaan daripada ibunya. Seorang pengasuh boleh meringankan tugas seorang ibu yang bekerja. Ini juga satu sebab mengapa mereka yang sudah berkahwin dan mempunyai anak dapat keluar bekerja.

Penerimaan masyarakat adalah penting jika seorang wanita hendak keluar bekerja. Jika masyarakat merasa seorang isteri atau ibu patut berada di rumah dan berperanan sebagai seorang ibu dan isteri yang bertanggungjawab maka amatlah susah untuk mereka mendapat pekerjaan. Bagaimanapun komuniti di ladang teh adalah sangat rapat malah ramai adalah saudara mara. Jadi mereka sedar tentang masalah sesama mereka. Menurut Iglehart masalah kewangan adalah sebab yang selalu diberi oleh isteri/ibu yang keluar bekerja. Sebab ini juga adalah paling mudah diterima oleh masyarakat. Di ladang teh East sebab ini juga tidak asing diberi dan komuniti ladang teh ini juga mengaku masalah ini adalah sering mereka hadapi. Jadi dengan adanya dorongan daripada suami mereka sendiri dan masyarakat kaum wanita yang sudah berkahwin tentu keluar bekerja.

Peranan 'domestic' dianggap sebagai satu peranan yang mesti diambil oleh setiap wanita. Jika seorang wanita yang sudah

berkahwin dapat memainkan peranan domestiknya dengan baik walaupun ia bekerja maka masyarakat tidak akan ada apa-apa bantahan.

Selain daripada itu jika masyarakat tidak membezakan peranan domestik dan peranan awam dengan jelas pihak wanita juga tidak akan menerima apa-apa bantahan atau larangan daripada masyarakat. Jika pihak suami dapat berkongsi peranan 'domestic' dengan isteri mereka (rujuk Bab Dua) maka masyarakat juga tidak akan pentingkan peranan 'domestic' dan peranan awam pihak wanita.

Ini adalah apa yang berlaku di ladang teh East. Di rumah terutamanya pihak suami adalah selalu berkongsi tugas dengan isteri mereka. Tugas membeli sayur-sayuran tidak dikhaskan sebagai tugas pihak wanita sahaja. Di antara responden dan suami mereka tugas ini dijalankan oleh sesiapa yang senang untuk melakukannya. Misalnya bagi pemetik daun teh membeli sayur-sayuran biasanya dilakukan oleh suami mereka kerana pemetik daun teh tidak ada masa untuk berbuat demikian. Di kilang teh juga tidak terdapat perbezaan tugas antara pekerja wanita dan pekerja lelaki. Oleh itu boleh dikatakan tidak terdapat perbezaan yang kuat tentang kedudukan lelaki dan kedudukan wanita. Ini adalah satu cara bagaimana pihak wanita yang sudah berkahwin memainkan kedua peranan "domestic" dan awam mereka dengan baik.

Selain daripada itu faktor-faktor yang dibincangkan tadi juga boleh menolong pihak wanita yang telah berkahwin memainkan kedua peranan 'domestic' dan awam. Kita dapati responden-respon-

memastikan bahawa mereka menyelesaikan tugas 'domestic' sebelum mereka pergi bekerja, misalnya menyediakan hidangan makanan tengah tengahari pada malam sebelumnya. Ataupun membahagikan masa untuk melakukan kedua urusan di rumah dan pekerjaannya, misalnya melakukan kerja seperti mencuci rumah pada hari kelepasan, hari Ahad.

Walaupun kajian ini berdasarkan teori yang dikemukakan oleh kedua Sanday dan Iglehart tidaklah apa yang dikemukakan oleh mereka dapat diaplikasikan sepenuhnya. Bagaimanapun kebanyakan yang dikemukakan oleh mereka boleh dikesahkan dalam kajian ini. Misalnya mengikut Sanday kaum wanita tidak dapat masuk ke arena subsisten jika kaum lelaki berada dalam arena subsisten. Hanya apabila kaum lelaki berpindah ke arena pertahanan kaum wanita masuk ke arena subsisten. Sama ada kaum wanita tinggal berterusan dalam arena subsisten bergantung kepada beberapa faktor. Jika kaum lelaki berpanjangan tidak berada dalam arena subsisten maka kaum wanita akan berada dalam arena ini untuk selama-lamanya mengganti tempat pihak lelaki. Jika kaum lelaki kembali ke arena subsisten maka mungkin ujud pengagihan pekerjaan seimbang antara kaum wanita dan lelaki. Tetapi kaum wanita mungkin kembali ke arena pengeluaran (rujuk Rajah 2.1). Yang berlaku dalam kajian ini ialah pihak lelaki telah ramai berpindah dari ladang teh dan masuk ke bidang yang lain. Oleh kerana itu pihak wanita telah diambil oleh pihak majikan ladang teh untuk mengganti kaum lelaki. Boleh dikatakan

bilangan pekerja lelaki tidak bertambah malah berkurangan jadi pihak wanita akan kekal berada dalam bidang ladang teh ini.

Terdapatnya faktor-faktor pendorong dan penarik seperti dijelaskan oleh Iglehart (rujuk Bab Lima) telah menyebabkan ramai wanita yang sudah berkahwin lebih berkeinginan untuk bekerja di ladang teh. Faktor-faktor pendorong dan penarik juga boleh menolong wanita yang sudah berkahwin memainkan kedua peranan 'domestic' dan peranan awam.

Satu faktor penarik yang dibincangkan oleh Iglehart ialah keadaan pekerjaan yang memuaskan, gaji yang lumayan dan sebagainya. Bagaimanapun faktor ini tidak boleh diaplikasikan di sini. Keadaan pekerjaan dan gaji tidaklah paling memuaskan. Berdasarkan gaji yang diterima ia tidak boleh dikatakan sebagai faktor penarik malah sebaliknya adalah faktor yang tidak menarik minat pekerja. Bagaimanapun walaupun gaji tidak begitu lumayan, yang penting kepada responden ialah keperluan asas dan perhubungan sosial antara rakan sekerja dan jiran-jiran. Ramai responden adalah bersaudara antara satu sama lain. Perhubungan dengan mereka adalah lebih penting daripada keadaan pekerjaan yang memuaskan. Jadi faktor, gaji dan kepuasan bekerja bukan satu penarik wanita yang sudah berkahwin untuk bekerja. Responden tidak bertukar dari pekerjaan ini kerana ingin berada di dalam komuniti di mana berkenalan di antara satu sama lain.

Responden-responden di sini juga tidak bekerja kerana ingin berdikari atau kerana mempunyai fikiran untuk berkerjaya. Responden-responden kajian tidak boleh dikatakan berdikari langsung. Jika mereka ingin berdikari mereka akan berpindah daripada bidang ini. Bekerja dalam kedua pekerjaan, sebagai pemotik daun teh dan pekerja kilang mempunyai masalah pekerjaan mereka. Pemotik daun teh oleh kerana lama memotik daun teh jari mereka akan dihiris oleh daun teh. Bagi pekerja kilang kaum wanita terpaksa mengangkut barang-barang yang berat dan abuk teh adalah pedih apabila disedut. Walaupun keadaan yang tidak memuaskan mereka tetap tinggal kerana ingin berdampingan dengan saudara mara. Mereka (terutama suami responden) bimbang isteri mereka ditindas oleh orang jikalau mereka pindah ke ladang teh lain atau ke pekerjaan teh lain. Bekerja bagi responden-responden kajian ini masih lagi adalah kerana masalah ekonomi, iaitu mendapat wang bagi menambah pendapatan keluarga.

8. Huston, Berlita (1979) - Third World Women Speak Out, Praeger Publishers, New York, 1979.
9. Khanna, Girija (1978) - Indian Women Today, Vikas Public House, New Delhi 1978.
10. Lawn, Judith Long (1979) - The Second Sex: Role & Social Polity, Elsevier, New York 1979.
11. Head, Margaret (1949) - Male and Female: A Study of the Sexes in a Changing World, William Morrow, New York 1949.

BIBLIOGRAFI

1. Beauvoir, Simone De (1975) - The Second Sex, Diterjemah dan diterbit oleh H.M. Parshley, Hazell Watson & Viney Ltd., Aylesbury Bucks 1975.
2. Fransella, Fay (1977) & Frost, Kay - On Being A Woman, Tavistock Publications, London 1977.
3. Glazer Malbin, Nona (1972) & Waehrer, Helen Youngelson - Woman in a Man-Made World, Diterbit oleh G.M. & Helen Youngelson Waehrer, Rand McNally & Company, Chicago 1972.
4. Iglehart, Alfreda (1974) - Married Woman and Work, 1957 & 1976, D.C. Heath, Lexington, Massachusetts.
5. Harler, Campbell R. (1966) - Tea Growing. Oxford University Press, London 1966.
6. Hollis, Patricia (1979) - Women in Public 1850-1900, George Allen & Unwin, London 1979.
7. Huber, Joan (1973) - Changing Woman in Changing Society, (ed) University of Chicago Press, Chicago 1973.
8. Huston, Perdita (1979) - Third World Women Speak Out, Praeger Publishers, New York, 1979.
9. Khanna, Girija (1978) - Indian Women Today, Vikas Public House, New Delhi 1978.
10. Laws, Judith Long (1979) - The Second X; Sex Role & Social Role, Elsevier, New York 1979.
11. Mead, Margaret (1949) - Male and Female: A Study of the Sexes in a Changing World, William Morrow, New York 1949.

PERAKAAN WANITA DI SINGAPURA

12. Nanda, B.R. (1976) OF CARE - Indian Women, From Purdah to Modernity (Ed.) Vikas Publishing House PVT LTD., New Delhi 1976.
13. Rothblatt, D.N./Garr D.J./ Sprague, Jo (1969) - The Suburban Environment and Women Praeger Publisher, New York 1967.
14. Rosaldo, M. Zimbalist & Lamphere, L (1974) - Woman Culture and Society, Stanford University Press, Stanford, California 1974.
15. Sarma, N.A. (1947) - Woman & Society, Padmaja Publications Baroda 1947.
16. Seward, Georgene H. & Williamson R.C. (1970) - Sex Roles in Changing Society, Random House, New York, 1970.

Taraf Perkahwinan

4) Umur anda semasa berkahwin?

5) Berapa lama anda Sudah berkahwin?

6) Adakah suami anda seorang pekerja sedang ten ini?

Ya
Tidak

7) Adakah suami anda seorang "alifat" (pendatang)?

Ya
Tidak